

قُلْ بِرَوْحَةٍ

PETIKAN TITAH

"KITA perlu memiliki modal insan yang gigih dan berkualiti, yang berpendidikan dunia dan ukhrawi serta mampu untuk menangani segala cabaran".

- Titah Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-37.



# Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4.39	4.49	6.06	6.28	12.08	3.24	6.08	7.17

TAHUN 66 / BILANGAN 122

11 OKTOBER 2021 / 1443 4 ربيع الأول

JABATAN PENERANGAN

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 minit

EDISI ISNIN / PERCUMA



ASEAN SUMMIT 2021  
BRUNEI DARUSSALAM

WE CARE, WE PREPARE, WE PROSPER

15 HARI LAGI

## 381 KES BAHARU COVID-19



"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallah Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Gowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

## Hentikan stigma terhadap isu masalah kesihatan mental

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Oktober. - Tema bagi Hari Kesihatan Mental Sedunia pada tahun ini ialah 'Kesihatan Mental dalam Dunia yang Tidak Setara' atau (Mental Health In An Unequal World).

Ini menekankan kepentingan dalam memastikan kesihatan mental yang baik dan akses kepada penjagaan juga sokongan untuk semua, di dalam masyarakat kita.

Malangnya, kebanyakan orang yang terkesan disebabkan ketidaksamaan kerana faktor, seperti usia, jantina, status sosioekonomi, tahap pendidikan, keupayaan yang berbeza juga perbezaan dalam kesihatan mental dan fizikal.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menyatakan perkara tersebut dalam Perutusan sempena Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia.

>> Muka 8

YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Ahad, 10 Oktober. - Sebanyak 381 kes baharu jangkitan COVID-19 disahkan dan ini membawa jumlah keseluruhan kes COVID-19 kepada 8,980 orang.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar mengongsikan perkara itu semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), yang diadakan di Dewan Al-'Afiah,

Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurutnya, sebanyak 195 adalah tambahan kes baharu pada 25 kluster aktif yang sedia ada, pada hari ini, yang merupakan kontak-kontak terdekat bersama beberapa kes positif sebelumnya.

Sementara itu, lima kluster baharu dikesan, yang melibatkan 60 kes.

>> Muka 3

## 1 kes kembali ke rahmatullah

BERAKAS, Ahad, 10 Oktober. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai, bahawa satu kes yang disahkan COVID-19 kembali ke rahmatullah.

Kenyataan itu, dikongsikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Jelas Yang Berhormat, kes tersebut ialah

seorang lelaki, berumur 40 tahun, yang merupakan Kes 8895 dan punca kematian bagi kes tersebut masih di dalam siasatan.

Sehubungan itu, Yang Berhormat mewakili warga Kementerian Kesihatan dan keseluruhan Rakyat di Negara Brunei Darussalam merakamkan ucapan takziah kepada keluarga kes berkenaan.

"Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama para solihin," ujar Yang Berhormat.

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"MENYEBABKAN kedua ibu bapa menangis termasuk di antara perkara derhaka dan dosa-dosa besar". (Riwayat Al-Imam Bukhari).



EDISI ISNIN / PERCUMA



IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH  
InfoDeptBN  
f Pelita Brunei @ pelitabrunel pelitabrunel

## Berita Utama



CAPAI kemakmuran dalam norma baharu

Muka 9



TERUS beri sokongan, penjagaan kesihatan mental bagi semua

Muka 21



# Jaga kesejahteraan alam sekitar

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh  
Bismillahir Rahamanir Rahim,  
Salam Sejahtera dan Selamat Pagi

**A**LHAMDULILLAH, kita bersyukur kerana dengan rahmat dan izin Allah jua kita semua diberikan kesempatan untuk berkumpul pada pagi ini bagi sama-sama meraikan Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2021. Rasanya masih sempat lagi untuk saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin, dan berdoa semoga semua amal ibadah yang kita laksanakan sepanjang bulan Ramadan yang lalu diterima serta mendapat keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala jua, amin ya rabbal alamin.

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas penghormatan dan ingatan baik pihak Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi kerana menjemput saya hadir selaku tetamu kehormat bagi Majlis Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2021 dan seterusnya melancarkan jerayawa, kempen kebersihan senegara dan buku panduan penanaman pokok pada pagi ini. Tahniah dan syabas juga diucapkan kepada Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi di atas inisiatif ini yang pada hemat saya bertepatan dalam kita sama-sama menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang berdaya tahan dan mempunyai alam sekitar yang terpelihara.

Hari Alam Sekitar Sedunia yang jatuh pada 5 Jun setiap tahun, seperti lazimnya disambut secara global sejak ia diperkenalkan oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1974. Ia disambut dan diraikan di seluruh dunia untuk mengingatkan manusia tentang pentingnya alam semula jadi dan memberitahu kita

bahawa alam tidak boleh dianggap remeh dan mesti dihormati kerana nilai-nilainya.

Dengan adanya Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia ini telah menjadi wadah bagi penglibatan orang ramai untuk meningkatkan kesedaran serta membuat tindakan demi menjaga kesejahteraan alam sekitar sama ada secara individu maupun secara bersepada, baik di peringkat kebangsaan, serantau dan juga antarabangsa.

Tema pada tahun ini, 'Ecosystem Restoration' atau Pemulihan Ekosistem, dengan slogan : 'Reimagine, Recreate, Restore', merupakan kesinambungan acara Hari Bumi yang baru sahaja kita raikan, pada 22 April yang lalu, yang bertemakan 'Restore Our Earth' atau 'Pulihkan Bumi Kitani'. Kedua-dua tema ini bertujuan bagi mengenal pasti keperluan untuk memulihkan bumi dengan memfokuskan kepada pengurangan dan adaptasi terhadap kerosakan dan pencemaran alam sekitar. Tahun ini juga bermulanya Dekad Pemulihan Ekosistem Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Decade on Ecosystem Restoration) yang akan berlangsung sehingga tahun 2030, satu seruan kepada masyarakat global untuk melindungi dan menghidupkan semula ekosistem, di seluruh dunia dengan menghentikan degradasi ekosistem dan memulakan serta meningkatkan kerja-kerja pemulihan sejagat.

Dengan wabak Koronavirus dan orang-orang terkurung di dalam rumah, persekitaran dan induk bumi nampaknya sedikit bermanfaat. Sekiranya tidak ada aktiviti manusia di tengah-tengah *lock-down* yang disebabkan Koronavirus, alam semakin mendapat masa untuk membersihkan dirinya dan merebut kembali ruangnya.

Marilah kita sama-sama berfikir sejenak dan kembali kepada realiti kehidupan dan persekitaran kita dan mengapa tindakan global bagi menangani isu kemerosotan

ekosistem ini ditekankan. Kerosakan dan pencemaran alam sekitar yang kita lihat di sekeliling kita adalah hasil dari aktiviti-aktiviti yang kita lakukan. Aktiviti-aktiviti yang tidak mampan atau tidak terkawal mengakibatkan kerosakan alam sekitar yang akhirnya menjurus kepada kemerosotan ekonomi.

Kehidupan manusia bergantung kepada ekosistem yang telah diciptakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Alhamdulillah, negara kita masih dianugerahkan dengan kekayaan flora dan fauna dan ekosistem yang mampan. Biosfera yang stabil dan sihat akan mendorong masyarakat yang sihat. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai umat manusia untuk tidak alpa atau lahal dalam menjaganya dalam masa yang sama terus meningkatkan pertumbuhan dan perkembangan ekonomi serta pembangunan negara. Usaha ini memerlukan kerjasama setiap lapisan masyarakat untuk memainkan peranan masing-masing melalui pendekatan seluruh negara atau Whole of Nation Approach.

Jadinya, bagaimana kita boleh mencapai keseimbangan di antara pembangunan, kehidupan manusia dan kesihatan serta kestabilan ekosistem ini? Antara kaedah-kaedah pemeliharaan dan pemulihan ekosistem termasuk secara proaktif, seperti penggunaan kaedah penyelesaian berdasarkan alam semula jadi atau *nature-based solutions*, penggunaan teknologi hijau, mempraktikkan amalan-amalan hijau, dan juga secara reaktif, iaitu pemulihan ekosistem, sama ada yang di darat dan juga di perairan.

Saya difahamkan beberapa aktiviti telah disusun bagi meraikan Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia pada tahun ini.

Pertama, satu jerayawa yang berkonsepkan promosi kesedaran alam sekitar yang akan kita tinjau seketika nanti. Saya berasa gembira melihat pelbagai



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar semasa berucap pada Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2021 pada Sabtu, 5 Jun 2021 Masih di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan.

usaha, program dan perkhidmatan yang menjurus kepada perlindungan dan pemulihan alam sekitar dan ekosistem, di mana kita dapat lihat inisiatif dari agensi-agensi kerajaan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan (Non-Government Organisation, NGO), serta perkhidmatan dan produk mesra alam yang ditawarkan oleh sektor swasta dan pengusaha-pengusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME). Saya berharap ini akan menjadi wadah dalam memberikan inspirasi kepada orang ramai untuk beralih kepada amalan, tabiat dan alternatif hijau dan mampan.

>> Muka 8

## SIDANG PENGARANG 11 OKTOBER 2021

### Bersama dalam kesepakatan, kemauafakatan

**A**PABILA kita berhadapan dengan wabak kita disarankan untuk tidak keluar atau masuk ke negara yang dilanda wabak berkenaan. Manakala dalam menangani wabak berkenaan, pastinya kita memerlukan usaha bersama dalam sama-sama memastikan ia dapat dihentikan daripada terus merebak dan pastinya dengan usaha, tawakal juga doa kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam Islam sendiri ada menyarankan untuk kita untuk berusaha dahulu dalam segala sesuatu yang kita inginkan atau hajati. Setelah segala usaha dikerahkan untuk melaksanakan maupun mewujudkan keinginan, hajat atau impian kita, pastinya jangan lupa untuk menyertakan tawakal kita kepada Allah dan niatkan apa yang kita buat kerana Allah semata.

Segala sesuatu yang berlaku di muka bumi ini adalah dengan kehendak dan izin daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan bukannya berlaku atas kemauuan pihak tertentu atau benda tertentu. Jangan menudung jari kepada satu pihak sahaja, fikirkan juga apa usaha yang telah kita lakukan dalam sama-sama membantu membendung dan menghentikan penularan wabak ini.

Kita selaku manusia memang tidak terlepas daripada melakukan kesilapan maupun kesalahan secara sengaja atau sebaliknya, namun masih belum terlambat untuk kita mulakan perubahan dari satu titik, sedikit demi sedikit dan jangan berputus asa sekiranya apa yang telah dilakukan atau dilaksanakan masih menemui jalan buntu.

Mungkin Allah masih mahu menguji tahap kesabaran dan ketabahan kita selaku hamba-Nya. Allah tidak akan menguji seseorang hamba melebihi apa yang termampu oleh hamba berkenaan. Segala sesuatu ujian atau cubaan yang diberikan, pasti ada hikmah di sebaliknya, usaha lagi dan lagi berserta tawakal juga rafakkanlah doa kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Betulkan niat kita kerana Allah sentiasa.

Sesuatu perintah atau arahan yang dikeluarkan, contohnya daripada pihak berkenaan pasti ada sebab musababnya. Dalam pada itu, kita selaku rakyat dan penduduk di negara sepatusnya mematuhi perintah atau arahan berkenaan, 'Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat'.

Jika kita tidak endah akan segala perintah dan arahan yang diberikan juga dikeluarkan, selagi itu, sebesar juga sehebat mana pun segala usaha juga titik peluh para petugas barisan hadapan kerahan untuk melaksanakannya, selagi itu, kejayaan tidak akan tercapai atau berjaya sepuhnya, apa lagi dalam memutuskan rantaian penularan sepenuhnya.

'Bersama kita teguh bercerai kita roboh', begitulah peribahasa yang sering kita dengar sejak dari kecil lagi, namun sejauh mana kita memahami dan mempraktikkannya dalam kehidupan sebagai masyarakat, rakyat juga penduduk negara ini, terutama sekali dalam menghadapi dan menyelesaikan masalah yang dihadapi kini? Segala usaha yang dilaksana tidak akan terlaksana dengan jayanya, selagi mana ada wujudnya ketidakpuasan hati dan tidak akur dengan apa jua perintah atau arahan yang dikeluarkan oleh pihak atasan.

Memang susah untuk memujuk dan memberikan keyakinan kepada semua orang untuk bersetuju, namun kita dikurniakan oleh Allah fikiran untuk berfikir, seterusnya menilai mana yang baik dan buruk, kebaikannya bukan hanya buat diri sendiri, tetapi kepada ibu bapa, isteri, suami, anak-anak, keluarga, orang sekeliling dan seluruhnya.

Bersama-sama kita menyahut apa-apa juga saranan yang diberikan dalam sama-sama memastikan segala perancangan yang disusun oleh pihak kerajaan dapat dilaksana seperti yang dirancang dan segala usaha juga titik peluh yang telah dicurahkan tidak berakhiri dengan sia-sia. Segala saranan, usaha dan titik peluh yang dicurahkan selama ini pasti akan lebih bermakna sekiranya kejayaan, kesepakatan, kemauafakatan juga pencapaian dapat diperoleh di penghujungnya.

Segala perkara yang dilaksana secara berkumpulan hanya akan dapat dicapai dengan sepakat, muafakat tanpa sepakat, muafakat segala usaha sekadar usaha di atas kertas cuma, segala perancangan cuma perancangan yang dilaksana tanpa berkait, bersama kita usahakan, laksanakan segala arahan, perintah, saranan maupun perancangan yang telah diberikan kerana Allah semata juga demi membantu mencapai kejayaan bersama.

Usahanah segala sesuatu kerana Allah, berbekalkan tawakal dan semangat yang tetap gah, demi mencapai harapan semua dan masa depan yang lebih baik juga cerah, pastinya dengan irungan vaksin ketuhanan dan doa kepada Allah. Semoga segala usaha yang telah dilaksana bakal mendapat keredaan dan keberkatan daripada Allah jua, segala doa yang dirafakkan bakal didengar oleh-Nya, segala harapan dimakbulkan jua, semoga kita semua akan berada dalam keredaan, lindungan dan rahmat daripada-Nya sentiasa, *Aamin Aamin Aamin Ya Rabbal Aalamin*. - Ketua Penyuntingan (Nb).

WAKTU SEMBAHYANG												
OKTOBER	MASIH	HARI	RABIULAWAL	HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	AŞAR	MAGRIB	ISYAK
11	ISNIN	4	4.39	4.49	6.06	6.28	12.08	3.24	6.08	7.17		
12	SELASA	5	4.39	4.49	6.06	6.28	12.08	3.24	6.08	7.17		
13	RABU	6	4.38	4.48	6.06	6.28	12.08	3.24	6.07	7.17		
14	KHAMIS	7	4.38	4.48	6.06	6.28	12.07	3.24	6.07	7.16		
15	JUMAAT	8	4.38	4.48	6.06	6.28	12.07	3.24	6.07	7.16		
16	SABTU	9	4.38	4.48	6.06	6.28	12.07	3.24	6.06	7.16		
17	AHAD	10	4.38	4.48	6.05	6.28	12.07	3.24	6.06	7.16		

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI		
ISNIN	SELASA	RABU
Bandar Seri Begawan		
33 25 °C	32 24 °C	32 25 °C
Pekan Bangar		
33 25 °C	32 24 °C	32 25 °C
Pekan Tutong		
33 26 °C	32 24 °C	32 25 °C
Kuala Belait		
33 25 °C	32 24 °C	33 25 °C
Wallahu alam Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		
	www.met.gov.bn	

# JIKA KEADAAN PESAKIT JADI LEBIH TERUK, MEREKA AKAN DIPINDAHKAN SEGERA



Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BERAKAS**, Ahad, 10 Oktober. - Dasar Pengasingan Di Rumah (Home Isolation Policy) bagi pesakit-pesakit COVID-19 telah dimulakan, khusus bagi para pesakit yang dikenal pasti, tergolong di dalam Kategori 1 dan Kategori 2a.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan ingin menjelaskan, bahawa pesakit-pesakit dalam Kategori 1 dan Kategori 2a, yang didapat lebih sesuai menjalani rawatan, di Pusat-pusat Pengasingan atas sebab-sebab tertentu, mereka akan dipindahkan dengan segera

**YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.**

ke pusat-pusat berkenaan.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar berkata demikian pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang diadakan di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Hal ini, menurut Yang Berhormat, adalah untuk memastikan mereka akan dapat diberikan rawatan segera jika keadaan mereka menjadi lebih teruk.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat Menteri Kesihatan menasihatkan sesiapa yang pada masa ini berada di Pusat-pusat Pengasingan adalah untuk bersabar dan meneruskan pemantauan, di pusat-pusat tersebut.

## 381 kes baharu COVID-19

>> Muka 1

Yang Berhormat menjelaskan, kesemua kluster baharu itu adalah kluster rumah kediaman, di mana salah satu daripadanya, iaitu Kluster Destiny Jaya Sdn. Bhd. adalah kluster rumah yang menempatkan pekerja-pekerja

syarikat berkenaan.

"Satu kluster telah ditutup setelah tidak ada kes dikesan di dalam kluster berkenaan selama 28 hari. Kluster yang ditutup ialah Kluster 2839. Jumlah kluster yang aktif adalah 160 kluster," tambah Yang Berhormat.

Dalam pada itu, menurut Yang

Berhormat, terdapat 126 kes baharu masih dalam siasatan bagi mengenal pasti sumber jangkitan.

Juga hadir menyertai sidang tersebut, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin.

## 322 kes COVID-19 sembah

**BERAKAS**, Ahad, 10 Oktober. - Negara Brunei Darussalam mengesahkan sejumlah 322 kes disahkan sembah hari ini, yang membawa jumlah kes

yang sembah di negara ini kepada 6,690 kes, manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak 2,226 kes.

Menteri Kesihatan, Yang

Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menyatakan perkara tersebut, pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, bertempat di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurut Yang Berhormat, lapan kes adalah dalam Kategori 5 dan sedang dirawat di Unit Rawatan Intensif.

Kesemua mereka, jelasnya, memerlukan bantuan mesin pernafasan (*artificial ventilation*) dengan tiga daripadanya juga memerlukan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (ExtraCorporeal Membrane Oxygenation - ECMO).

Sementara itu, 30 kes lain lagi, terang Yang Berhormat lagi, dikategorikan dalam Kategori 4, iaitu yang memerlukan bantuan oksigen dan adalah di bawah pemantauan rapi.

Yang Berhormat menyatakan, sebanyak 4,803 sampel diuji bagi virus SARS-CoV-2 dalam tempoh 24 jam lalu, yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 403,077 ujian.

**STATUS TERKINI COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**



Maklumat setakat 10 OKTOBER 2021

# MAKLUMAT PENTING COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

71.6 peratus terima 1 dos vaksin

Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan mengongsikan, seramai 636 orang menerima suntikan vaksin COVID-19, pada 8 Oktober 2021, ini bermakna, di bawah Program Vaksinasi Kebangsaan, seramai 324,564 orang menerima satu dos vaksin COVID-19, iaitu 71.6 peratus daripada jumlah penduduk negara.

Manakala, tambah Yang Berhormat, 208,741 orang melengkapkan dua dos vaksin COVID-19, iaitu 46.0 peratus daripada jumlah penduduk negara.

**Pengorbanan tenaga, masa, titik peluh, harta benda dihargai**

Di kesempatan ini, jelas Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Kementerian Kesihatan juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam pengawalan penularan wabak COVID-19 di negara ini, khususnya kepada sukarelawan-sukarelawan kesihatan.

"Segala jasa dan pengorbanan dari segi tenaga, masa, titik peluh mahupun harta benda adalah sangat dihargai," ujar Yang Berhormat.

**Lebih 400 sukarelawan, di bawah Kementerian Kesihatan sedang berhidmat di pelbagai fasiliti**

Yang Berhormat Menteri Kesihatan turut memaklumkan orang ramai, bahawa pada masa ini, terdapat 260 pegawai dan kakitangan kerajaan; 92 Sukarelawan Kesihatan; 77 Pegawai Perubatan dan Jururawat daripada sektor swasta dan yang bersara sedang berkhidmat sebagai sukarelawan di pelbagai fasiliti dan menjalankan pelbagai tugas tertentu.

Jumlah ini, tambah Yang Berhormat, tidak termasuk jumlah sukarelawan yang diuruskan oleh pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

**Pendaftaran sukarelawan dialu-alukan, sumbang tenaga kawal penularan**

Yang Berhormat Menteri Kesihatan menyeru dan mengalau-alukan orang ramai yang ingin dan bersedia menyumbangkan tenaga pada usaha kerajaan mengawal penularan COVID-19 untuk mendaftar sebagai sukarelawan dengan menghubungi talian +673 7455109.

"Sesiapa yang mendaftar sebagai sukarelawan akan ditempatkan untuk bertugas di kawasan yang selamat dan kurang berisiko bersesuaian dengan kemahiran sukarelawan berkenaan," jelas Yang Berhormat lagi.

**Perancangan strategi baharu, penganjakan tempoh operasi dibincang, dinilai**

Hasil penilaian dan dapatan daripada Operasi Pulih tersebut, kata Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, akan dibawa dalam perbincangan beberapa pihak yang berkenaan, tertakluk pada keputusan dapatan nanti.

Yang Berhormat menambah, pencapaian perlu dilihat dan dinilai oleh jawatankuasa berkenaan dalam merancang strategi baharu atau mengganjakkan tempoh operasi selanjutnya. Sehubungan itu, para barisan hadapan juga digesa agar menghadapkan permohonan bagi kelonggaran semasa waktu operasi sedang dijalankan.

**PSR dilaksanakan secara kaedah alternatif, iaitu School Assessed Marks (SAM)**

Atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa Penilaian Sekolah Rendah (PSR) bagi tahun 2021, yang dijadualkan bermula pada 15 November 2021 ini untuk dilaksanakan secara kaedah alternatif, iaitu School Assessed Marks atau SAM.

Kaedah School Assessed Marks atau SAM ini merangkumi markah para pelajar sepanjang tahun 2021, yang dicatat melalui Penilaian Kendalian Sekolah (School Based Assessment). Penelitian dibuat dengan mengambil kira keselamatan serta kesejahteraan para pelajar. Perkara itu, diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada Sidang Media, baru-baru ini.

**5 kluster baharu, 1 kluster ditutup**

Lima kluster baharu, ujar Yang Berhormat Menteri Kesihatan dikesan, melibatkan 60 kes.

Yang Berhormat menjelaskan, kesemua kluster baharu itu adalah kluster rumah kediaman, di mana salah satu daripadanya, iaitu Kluster Destiny Jaya Sdn. Bhd. merupakan kluster rumah yang menempatkan pekerja-pekerja syarikat berkenaan.

Satu kluster ditutup setelah tidak ada kes dikesan di dalam kluster berkenaan selama 28 hari. Kluster yang ditutup ialah Kluster 2839.

**TALIAN NASIHAT KESIHATAN COVID-19 148**



# COVID-19 : 135 KES BAHARU, 191 KES SEMBUH



**Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**BERAKAS**, Sabtu, 9 Oktober. - Sebanyak 135 kes baharu jangkitan COVID-19 disahkan hari ini, dengan membawa jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kepada 8,599 orang.

Terdapat 42 tambahan kes baharu pada 13 kluster aktif yang

sedia ada pada hari ini, yang merupakan kontak-kontak terdekat bersama beberapa kes positif sebelumnya. Sementara itu, terdapat tiga kluster baharu dikesan, yang membawa kepada jumlah kluster aktif sebanyak 156 kluster.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar mengongsikan perkara tersebut pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurut Yang Berhormat, dua

YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan. Juga hadir, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

ialah sebanyak 2,168 kes.

Dalam kalangan kes-kes yang sedang ada dalam rawatan sekarang, kata Yang Berhormat, tujuh kes adalah dalam Kategori 5 dan sedang dirawat di Unit Rawatan Intensif.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, kesemua mereka memerlukan bantuan mesin pernafasan (*artificial ventilation*) dengan tiga daripadanya juga memerlukan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (ECMO).

Sementara itu, terang Yang Berhormat, 32 kes lain dikategorikan dalam Kategori 4, iaitu yang memerlukan bantuan oksigen dan adalah di bawah pemantauan rapi.

"Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 4,191 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2, yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 398,274 ujian," jelas Yang Berhormat lagi.

Juga hadir pada Sidang Media tersebut, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman.

## PSR dilaksanakan secara SAM

**BERAKAS**, Sabtu, 9 Oktober. - Atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa Penilaian Sekolah Rendah (PSR) bagi tahun 2021 yang dijadualkan bermula pada 15 November 2021 ini untuk dilaksanakan secara kaedah alternatif, iaitu School Assessed Marks atau SAM.

Kaedah School Assessed Marks atau SAM ini merangkumi markah para pelajar sepanjang tahun 2021 yang dicatat melalui Penilaian Kendalian Sekolah (School Based Assessment). Penilaian dibuat dengan mengambil kira keselamatan serta kesejahteraan para pelajar.

Perkara itu, diumumkan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurut Yang Berhormat, pihak sekolah akan menyediakan portfolio untuk setiap pelajar dan portfolio berkenaan mestilah mengandungi dua jenis *substantial work* pelajar.

Tambah Yang Berhormat, jenis-jenis *substantial work* adalah seperti berikut, iaitu (i) Penilaian / ujian / peperiksaan menggunakan kertas soalan peperiksaan lalu yang lengkap mengikut jumlah komponen mata pelajaran; (ii) Kombinasi soalan-soalan yang diambil daripada kertas peperiksaan yang lalu, mengikut format kertas soalan PSR yang lalu; (iii) Kertas soalan Ujian Kelayakan; dan (iv) Kombinasi kertas soalan Topical Test.

"Pemilihan jenis tugas yang akan dimasukkan dalam portfolio ini adalah tertakluk kepada

YANG Berhormat Menteri Pendidikan pada Sidang Media tersebut.

ketetapan pihak sekolah masing-masing," terang Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat menjelaskan, pihak Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan, Jabatan Sekolah-Sekolah dan Jabatan Pendidikan Swasta bersama pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Pengajian Islam, juga akan menyelaraskan pembangunan dan perincian pelaksanaan SAM ini bersama pihak sekolah, guru-guru yang berkenaan juga ibu bapa dan penjaga pelajar.

Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan, kata Yang Berhormat, akan memastikan nilai dan integriti penilaian SAM ini adalah adil, sah juga saksama dengan penilaian SAM akan melalui proses Quality Assurance (Jaminan Kualiti).

Di kesempatan ini, Yang Berhormat menambah, Kementerian Pendidikan ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada semua warga sekolah, khasnya guru-guru, ibu bapa / penjaga atas sokongan dan kerjasama dalam memastikan kelancaran pembelajaran pelajar-pelajar, khasnya yang menghadapi PSR bagi tahun 2021.

Terang Yang Berhormat, untuk sebarang pertanyaan, para ibu bapa, bolehlah berhubung terus ke sekolah masing-masing atau menghubungi Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan menerusi talian +673 2380630 atau +673 2380776 semasa waktu bekerja atau



melalui e-mel ke exam.dept@moe.gov.bn atau jbtpeperiksaan.helpdesk@moe.gov.bn.

Terdahulu, Yang Berhormat menjelaskan, berikutnya situasi semasa pandemik COVID-19 yang dilaporkan oleh Kementerian Kesihatan menunjukkan kadar kes positif harian, di negara ini masih lagi di tahap yang membimbangkan, maka Kementerian Pendidikan dengan kerjasama juga nasihat Kementerian Kesihatan akan berterusan memberi perhatian berat pada kesejahteraan dan keselamatan warga pendidikan.

Sehubungan itu, kata Yang Berhormat, merujuk pemakluman yang dibuat semasa Sidang Media pada Isnin, 27 September 2021 lalu, mengenai penjadualan semula tarikh PSR bagi tahun 2021, Kementerian Pendidikan menilai semula cadangan untuk mengadakan PSR bagi tahun 2021, yang dijadualkan berlangsung, pada 15 November 2021.

Yang Berhormat memaklumkan, bahawa ini adalah berikutnya situasi penularan pandemik COVID-19

yang pada masa ini masih membimbangkan juga mengambil maklum langkah-langkah baharu yang diambil oleh agensi-agensi kerajaan yang lain dalam usaha memutuskan rangkaian dan memastikan keselamatan juga kesejahteraan para pelajar, khasnya pelajar Tahun 6 bagi tahun 2021 yang seramai 6,151 pelajar dan akan mendukti PSR.

Jelas Yang Berhormat, bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan para pelajar

jugalah tenaga pengajar Kementerian Pendidikan, KHEU dan sekolah - sekolah swasta, pihak Kementerian Pendidikan membuat penilaian secara menyeluruh dengan mengadakan penilaian risiko dan mengadakan kaji selidik kepada para ibu bapa juga penjaga pelajar dan para guru Tahun 6 dalam mengendalikan peperiksaan ini dengan mengutamakan keselamatan juga kesejahteraan para pelajar dan tenaga pengajar yang terlibat.



**Jika tempahan awda tidak ada kod QR, ini bermakna tempahan awda adalah belum disahkan.**

# 36 LANGGAR ARAHAN LARANGAN KELUAR RUMAH

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BERAKAS**, Sabtu, 9 Oktober. - Hasil daripada pemantauan agensi-agensi penguatkuasaan yang dilakukan semalam semasa larangan keluar rumah dari jam 8.00 malam hingga 4.00 pagi, sebanyak 36 pelanggaran arahan tersebut di seluruh negara dikeluarkan denda kompaun.

Justeru itu, orang ramai adalah

dihadirkan untuk terus mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan demi memulihkan semula keadaan negara daripada jangkitan COVID-19.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menegaskan mengenai perkara itu pada Sidang Media bagi

Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Terdahulu, Yang Berhormat turut mengongsikan, seramai 636 orang menerima suntikan vaksin COVID-19, pada 8 Oktober 2021, ini bermakna, di bawah Program Vaksinasi Kebangsaan, seramai 324,564 orang menerima satu dos vaksin COVID-19, iaitu 71.6

YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media tersebut.



peratus daripada jumlah penduduk negara.

Manakala, tambah Yang Berhormat, 208,741 orang melengkapkan dua dos vaksin COVID-19, iaitu 46.0 peratus daripada jumlah penduduk negara.

Di kesempatan ini, jelas Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam pengawalan penularan wabak COVID-19 di negara ini, khususnya kepada sukarelawan-sukarelawan kesihatan.

"Segala jasa dan pengorbanan dari segi tenaga, masa, titik peluh mahupun harta benda adalah sangat dihargai," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga turut memaklumkan orang ramai, bahawa pada masa ini, terdapat 260 pegawai dan kakitangan kerajaan; 92 Sukarelawan Kesihatan; 77 Pegawai Perubatan dan Jururawat daripada sektor swasta dan yang bersara sedang berkhidmat sebagai sukarelawan di pelbagai fasiliti dan menjalankan pelbagai tugas tertentu.

Jumlah ini, tambah Yang Berhormat, tidak termasuk jumlah sukarelawan yang diuruskan oleh pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Justeru itu, Yang Berhormat menyeru dan mengalu-alukan orang ramai yang ingin dan bersedia menyumbangkan tenaga pada usaha kerajaan mengawal penularan COVID-19 untuk mendaftar sebagai sukarelawan dengan menghubungi talian +673 7455109.

"Sesiapa yang mendaftar sebagai sukarelawan akan ditempatkan untuk bertugas di kawasan yang selamat dan kurang berisiko bersesuaian dengan kemahiran sukarelawan berkenaan," jelas Yang Berhormat lagi.



Laksanakan tanggungjawab sosial masing-masing bagi melindungi Negara Brunei Darussalam dari penularan jangkitan wabak COVID-19.



## STATUS TERKINI COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



Maklumat setakat 9 OKTOBER 2021

## Masyarakat perlu sama-sama berganding bahu bantu pihak kerajaan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BERAKAS**, Sabtu, 9 Oktober. - "Adalah amat mendukacitakan untuk melihat terdapat lebih 170 orang didenda, pada lima malam terakhir, dan ini adalah mereka yang telah didapati semasa Operasi Pulih. Ini tidak membantu usaha kerajaan yang berusaha untuk mengawal jangkitan. Sekali lagi, saya hanya ingin menyarankan kepada orang ramai, kita tidak boleh melakukannya tanpa kerjasama semua orang. If we want to win this battle, kita perlu semua bekerjasama, sama ada awda warganegara, penduduk tetap atau orang asing yang tinggal di negara ini."

"Setiap orang mempunyai peranan untuk sama-sama membantu pihak kerajaan. Jadi, saya memohon sekali lagi agar orang ramai bekerjasama dalam menurunkan jumlah jangkitan,"

tegas Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa menjawab soalan daripada pihak media pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Terdahulu, Yang Berhormat menjelaskan, semasa Operasi Pulih, apa yang ingin dicapai bermula 4 Oktober hingga 17 Oktober 2021, pihak kerajaan mendorong masyarakat awam untuk berada di rumah dan kita memahami, bahawa orang perlu bekerja pada siang hari dan setelah mereka bekerja mereka perlunya mengambil sebelum mereka pulang dan mereka akan diberi

masa.

"Mudah-mudahan, pada jam 8.00 malam mereka telah melakukan apa sahaja yang perlu mereka lakukan dan pulang pada jam 8.00 malam. Ia adalah menjadi lebih baik sekiranya lebih awal," ujar Yang Berhormat.

Seperti yang telah dilihat sebelum 4 Oktober ini, Yang Berhormat menerangkan, banyak jangkitan ini terjadi pada waktu malam kerana orang berkumpul, saling mengunjungi saudara, rakan dan bahkan ada yang mengadakan acara barbecue dan bersosial.

Tegas Yang Berhormat, ini seharusnya tidak boleh dilakukan sejak permulaan gelombang kedua diumumkan, akan tetapi mereka tetap melakukannya juga. Oleh itu, kita menyekat pergerakan, tetapi pada masa yang sama, kita tidak mahu orang yang kehilangan peluang untuk bekerja, pada siang hari bagi mereka yang perlu bekerja.

"Juga ketika mereka kembali

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II pada Sidang Media tersebut.

setelah bekerja atau membeli take away dan sebagainya, kita memberi masa untuk mereka melakukan itu. Oleh itu, apabila mereka selesai, mereka harus pulang lebih awal sebelum jam 8.00 malam," jelas Yang Berhormat lagi.


Hasil penilaian dan dapatan daripada operasi tersebut, kata Yang Berhormat, akan dibawa dalam perbincangan beberapa pihak yang berkenaan, tertakluk kepada keputusan dapatan nanti.

Yang Berhormat menambah, pencapaian perlu dilihat dan dinilai oleh jawatankuasa berkenaan



dalam merancang strategi baharu atau mengganjukkan tempoh operasi selanjutnya. Sehubungan itu, para barisan hadapan juga digesa agar menghadapkan permohonan bagi kelonggaran semasa waktu operasi sedang dijalankan.

# MALAM MUNAJAT, MOHON KEAMPUNAN DARIPADA ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA



**MAJLIS** Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama tersebut turut disertai oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama; dan Yang Berhormat Mufti Kerajaan, yang diadakan secara dalam talian, di kediaman masing-masing.

Surah Yaa Siin beramai-ramai, dipimpin oleh Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar, diteruskan dengan bacaan Doa Yaa Siin oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Majlis kemudiannya diisikan dengan Zikir Istighfar dan Taubah beramai-ramai, dipimpin oleh Pengarah Urusan Haji, KHEU, Awang Haji Abdullah bin Haji Mohammad, diteruskan dengan bacaan Doa bagi Memohon Terhindar Daripada Wabak COVID-19 oleh Pengetua Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB), KHEU, Pengiran Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit.

Majlis diteruskan lagi dengan bacaan Selawat Tafrifiyah beramai-ramai, dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, ITQSHHB, KHEU, Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan NBD, disampaikan oleh Pegawai Masjid, Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang, Pengarah-pengarah, Pegawai-pegawai Kanan, pegawai-pegawai, guru-guru dan kakitangan KHEU.

Majlis Malam Munajat diadakan pada setiap Sabtu (malam Ahad) dan dialu-alukan penyertaannya kepada orang awam melalui penyertaan secara maya menggunakan Microsoft Teams atau secara langsung menerusi Instagram Pusat Da'wah Islamiah @pd\_kheu.

Sama-sama kita meningkatkan kewaspadaan kita dalam mencegah penularan wabak ini dan sentiasa berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala semoga negara kita akan dilindungi juga bebas daripada wabak berkenaan dengan izin-Nya juga.

yang dilaksanakan ini adalah semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan, bahawa dalam keadaan NBD yang aman tenteram sekalipun berhadapan dengan masalah pengekangan pergerakan juga perhimpunan, tetapi kita tetap bersyukur bahawa kita dalam naungan raja, pemerintah yang adil lagi berkebajikan dan itu adalah juga tunggak pada kekuatan bagi keselamatan NBD.

Para peserta Majlis Malam Munajat turut mendengarkan ucapan nasihat daripada Yang Berhormat Mufti Kerajaan yang antara lain merakamkan setting tinggi tahniah atas inisiatif KHEU mengajurkan Majlis Malam Munajat ini dan mengucapkan tahniah atas penyertaan orang ramai ke majlis tersebut.

Menurut Yang Berhormat, Majlis-majlis Zikir seumpama ini sebagai mana yang difahami dan termaktub dari hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, tidak syak lagi adalah disertai oleh para Malaikat yang ramai yang jumlahnya hanya Allah Subhanahu Wata'ala sahaja yang mengetahuinya.

Yang Berhormat seterusnya menambah, Majlis Zikir yang seumpama ini adalah dinaungi oleh para Malaikat dan dengan itu, kita dengan sendirinya mendapat rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala, iaitu rahmat ketenangan, rahmat keimanan, dan insyaAllah rahmat keselamatan. "Inilah kelebihannya menganjurkan Majlis-majlis Zikir seumpama ini, bukan kecil kelebihannya," jelas Yang Berhormat.

"Sebagaimana yang diterangkan oleh hadis-hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, (Majlis-majlis Zikir) adalah perkara yang amat disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala kerana para Malaikat-Nya, bersama-sama dengan kita dan bukannya mudah untuk bersama-sama para Malaikat. Inilah kelebihan Majlis-majlis Zikir seumpama ini," ujar Yang Berhormat.

Majlis Malam Munajat dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan bacaan Surah Al-Fatiyah, dipimpin oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, KHEU, Pengiran Anak Dr. Haji Amiruddin Alam Shah bin Pengiran Anak Haji Ismail.

Majlis diikuti dengan bacaan

## ■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 9 Oktober. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) meneruskan lagi Majlis Malam Munajat anjuran KHEU dalam usahanya secara berterusan mengajak warga KHEU dan orang ramai untuk turut serta bersama-sama mendekatkan diri juga memohon keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan bermunajat, beristighfar, membaca Surah Yaa Siin, berzikir dan merafakkan doa secara serentak beramai-ramai dengan doa juga harapan agar rakyat dan Negara Brunei Darussalam (NBD) terhindar juga terselamat daripada segala bala bencana dan penyakit berbahaya, khasnya wabak COVID-19 yang melanda NBD.

Dalam suasana memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Majlis Malam Munajat juga turut membawa bacaan Selawat At-Tafrifiyah beramai-ramai bagi menzahirkan rasa cinta dan kasih kita kepada Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Alhamdulillah, Majlis Malam

Munajat kali ini mendapat sambutan menggalakkan dengan penyertaan lebih daripada 1,500 orang peserta dan penonton, terdiri daripada warga KHEU juga orang ramai berserta dengan keluarga masing-masing.

Malam Munajat secara maya itu juga turut diserikan dengan penyertaan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; dan Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmadaddin bin Haji Abd. Rahman.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam ucapan penghargaannya berharap, mudah-mudahan perhimpunan dan Majlis Malam Munajat

yang dilaksanakan ini adalah semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala jua. Yang Berhormat seterusnya menyatakan, bahawa dalam keadaan NBD yang aman tenteram sekalipun berhadapan dengan masalah pengekangan pergerakan juga perhimpunan, tetapi kita tetap bersyukur bahawa kita dalam naungan raja, pemerintah yang adil lagi berkebajikan dan itu adalah juga tunggak pada kekuatan bagi keselamatan NBD.

Para peserta Majlis Malam Munajat turut mendengarkan ucapan nasihat daripada Yang Berhormat Mufti Kerajaan yang antara lain merakamkan setting tinggi tahniah atas inisiatif KHEU mengajurkan Majlis Malam Munajat ini dan mengucapkan tahniah atas penyertaan orang ramai ke majlis tersebut.

Menurut Yang Berhormat, Majlis-majlis Zikir seumpama ini sebagai mana yang difahami dan termaktub dari hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, tidak syak lagi adalah disertai oleh para Malaikat yang ramai yang jumlahnya hanya Allah Subhanahu Wata'ala sahaja yang mengetahuinya.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad 10 Oktober. - Pelbagai langkah dan inisiatif telah diterapkan oleh pihak kerajaan bagi memastikan pembendungan segala kemungkinan yang berpuncu daripada penularan wabak COVID-19 ini berakhir dengan jayanya.

Selain pengetatan Standard

## 30 langgar arahan semasa Operasi Pulih

### ■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

Operating Procedure (SOP) kawalan sendiri di kala siang hari seperti pemakaian sungkup muka, penjaraikan sosial, penggunaan aplikasi BruHealth dan lain-lain lagi, pengetatan juga dilaratkan pada waktu malam, iaitu dikehendaki untuk berada di dalam rumah kediaman bermula jam 8.00 malam sehingga 4.00 pagi.

Berikut adalah hasil catatan bagi Operasi Pulih yang dilaksanakan pada 9 Oktober 2021 di mana 30 kesalahan tindakan denda kompaun telah dikeluarkan kepada

yang telah melanggar arahan berkenaan.

20 kesalahan di kawasan Daerah Brunei dan Muara dan 10 kesalahan di kawasan Daerah Belait.

Pihak Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bersama agensi-agensi penguat kuasa undang-undang berharap semua pihak memandang serius berkaitan penularan wabak ini dan sentiasa mematuhi arahan yang diberikan oleh kerajaan dari semasa ke semasa.



PASUKAN Polis Diraja Brunei semasa membuat pemeriksaan.

# HENTIKAN STIGMA TERHADAP ISU MASALAH KESIHATAN MENTAL

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

## >> Muka 1

Menurut Yang Berhormat lagi, selain daripada kesan fizikal dan kewangan yang nyata akibat pandemik COVID-19, ia juga terbukti, bahawa terdapat kesan kesihatan mental yang meluas.

Yang Berhormat menjelaskan, salah satu sebabnya adalah ketidaksamaan yang lebih ketara, pada masa yang mencabar, seperti keadaan semasa global. Mereka yang mempunyai masalah kesihatan mental menghadapi sejumlah ketidaksamaan dalam menjalani kehidupan sehari-hari, termasuk kesukaran untuk mendapatkan bantuan dan sokongan.

Kesan COVID-19 terhadap kesihatan mental, tambah Yang Berhormat, amat ketara di Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagaimana yang dilihat daripada jumlah panggilan yang diterima melalui Talian Harapan 145 yang meningkat dua ke tiga kali ganda semenjak bermulanya gelombang kedua COVID-19.

Kata Yang Berhormat, sejumlah 1,058 panggilan dicatatkan sejak Ogos hingga September 2021 dan terdapat peningkatan daripada jenis panggilan bantuan nasihat kesihatan mental, termasuk yang berkaitan dengan COVID-19.

"Alhamdulillah, kita di NBD sangat beruntung dan bersyukur Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei telah memberikan Liputan Kesihatan Sejagat (Universal Health Coverage) bagi rakyat dan penduduk, termasuk perkhidmatan kesihatan mental yang sedia ada di setiap daerah," jelas Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, menurut Yang Berhormat, masih terdapat halangan untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan mental dan ini tidak semestinya disebabkan oleh kekurangan ketersediaan atau kemampuan. Stigma terhadap isu masalah kesihatan mental adalah salah satu penghalang utama untuk mendapatkan rawatan atau bantuan.

Yang Berhormat menambah, mereka yang menghadapi masalah kesihatan mental masih dianggap sebagai 'lemah' atau 'berbez'. Terdapat keperluan di peringkat global untuk mengubah cara pemikiran seperti ini kerana masalah kesihatan mental boleh mempengaruhi sesiapa sahaja, tidak kira latar belakang individu.

Yang Berhormat juga menyatakan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Kesihatan melakukan beberapa aktiviti promosi kesihatan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kesihatan mental dan menggalakkan perbualan positif mengenai kepentingan menjaga kesihatan mental.

**"PADA keadaan semasa negara mengalami gelombang kedua jangkitan wabak COVID-19 yang mencabar ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk menekankan akan kepentingan menjaga kesihatan mental diri sendiri dan orang yang kita sayangi. Bagi mereka yang telah melakukan tanggungjawab mereka dalam usaha untuk menghentikan penularan COVID-19 dengan kekal teranah di rumah, ini adalah peluang yang sangat baik untuk menghabiskan masa yang berkualiti bersama orang-orang yang tersayang di rumah".**

## HALUAN

### Jaga kesejahteraan alam sekitar

## >> Muka 2

Saya juga difahamkan pemenang - pemenang Pertandingan 'Floating Waste Collector Conceptual Design' akan turut diumumkan, pada pagi ini. Diharapkan reka bentuk ini dapat dijadikan sebagai prototype dan seterusnya dinaik taraf dan upscale kepada teknologi yang efektif dan berkesan bagi pembersihan sungai-sungai dan longkang-longkang kitani. Alhamdulillah, kita akan dapat menyaksikan reka bentuk-reka bentuk yang terpilih sedikit masa lagi. Tahniah saya ucapan kepada semua institusi yang menyertai pertandingan ini.

Seterusnya, Kempen Kebersihan Senegara, di bawah Jawatankuasa Induk Isu-Isu Kebersihan yang juga akan dilancarkan pada pagi ini. Saya difahamkan kempen ini adalah terbahagi kepada dua : kempen bagi kawasan darat yang akan diterajui oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; dan

kempen kebersihan di persisiran pantai bagi membersihkan serpihan laut atau marine debris yang akan diterajui oleh Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi yang akan bermula pada 13 Jun ini. Saya berharap, dengan slogan : 'It Takes a Nation to Make Brunei Environment Clean', kempen ini akan menggalakkan dan menyeru setiap lapisan masyarakat untuk menanamkan rasa tanggungjawab dalam memainkan peranan masing-masing bagi memastikan persekitaran kita adalah bersih, sihat dan selamat.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada JASTRe, termasuklah dari agensi-agensi kerajaan, pihak swasta, badan-badan bukan kerajaan, pengusaha-pengusaha MSME dan juga sukarelawan-sukarelawan belia yang terlibat sama dalam menjayakan aktiviti-aktiviti yang telah diaturkan.

Dengan adanya pendedahan seperti ini akan meningkatkan lagi kesedaran alam sekitar dalam kalangan orang ramai

Terang Yang Berhormat, memandangkan pendekatan Whole of Nation diperlukan, adalah sangat menggalakkan untuk melihat penubuhan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan agensi-agensi lain, yang berusaha untuk meningkatkan kesedaran dan sokongan terhadap kesihatan mental di negara ini.

"Pada keadaan semasa negara mengalami gelombang kedua jangkitan wabak COVID-19 yang mencabar ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk menekankan akan kepentingan menjaga kesihatan mental diri sendiri dan orang yang kita sayangi. Bagi mereka yang telah melakukan tanggungjawab mereka dalam usaha untuk menghentikan penularan COVID-19 dengan kekal teranah di rumah, ini adalah peluang yang sangat baik untuk menghabiskan masa yang berkualiti bersama orang-orang yang tersayang di rumah," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menyarankan agar melakukan jadual aktiviti-aktiviti yang menyeronokkan dan bermanfaat untuk dilakukan bersama-sama di rumah, seperti melakukan senaman ringan dan aktiviti silaturahim. Ini juga merupakan peluang yang baik untuk mengetahui bagaimana kita saling menangani situasi yang mencabar ketika ini juga memberikan sokongan terhadap satu sama lain.

Penggunaan teknologi, jelas Yang Berhormat, seperti instant messaging dan video calling memainkan peranan penting semasa mengamalkan penjaraan sosial sebagai kaedah untuk berhubung atau mengekalkan silaturahim sesama rakan dan keluarga yang tinggal di kediaman rumah yang lain.

"Teknologi juga membolehkan kita untuk mendapatkan sokongan dan nasihat daripada individu yang dipercayai, dan sebaliknya, bagi

kita memberikan sokongan kepada orang lain yang memerlukan ketika melalui keadaan sukar dan mencabar. Penggunaan internet juga dapat membantu dalam penjagaan kesihatan mental dengan akses pada sumber dalam talian boleh membantu untuk kita mempelajari kemahiran baharu dan mengejar hobi yang bermanfaat," jelas Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, tambah Yang Berhormat, adalah dinasihatkan bahawa screen time mestilah dihadkan dan dipantau, terutamanya bagi golongan kanak-kanak. Di samping itu, kita juga sebaiknya mengehadkan kekerapan kita mendengar berita mengenai COVID-19 kepada satu atau dua kali sehari, iaitu dari sumber yang disahkan dan dipercayai.

Yang Berhormat menyatakan bahawa membaca kandungan berkaitan COVID-19 secara berlebihan boleh menyebabkan keimbangan dan tekanan yang tidak diperlukan. Sebaliknya, dorong keluarga awda untuk meluangkan lebih banyak masa untuk berbual atau melakukan aktiviti bersama.

"Bagi menjaga kesihatan diri, lakukanlah aktiviti fizikal secara tetap dan amalkan pemakanan yang sihat, serta luangkan masa untuk berehat, berzikir dan berdoa. Amalkan rutin harian dan waktu berehat yang tetap. Elakkan daripada berjaga sepanjang malam menonton TV atau internet dan jauhkan diri daripada mengambil ubat-ubatan yang berlebihan



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Perutusan sempena Hari Kesihatan Mental Sedunia yang bertemakan 'Kesihatan Mental dalam Dunia yang Tidak Setara' (Mental Health in An Unequal World).**

kerana walaupun pada mulanya ia berkesan, tapi ia mungkin menyebabkan banyak kesan negatif kepada kesihatan mental dan fizikal awda.

"Akhir sekali, saya ingin mengingatkan kepada orang ramai bahawa Talian Harapan 145 disediakan sebagai talian bantuan krisis kesihatan mental kebangsaan dan juga sebagai sumber untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan mental. Saya juga ingin mendorong bagi kita semua untuk maju ke hadapan sebagai sebuah masyarakat dalam membantu untuk meningkatkan kesedaran kesihatan mental di negara ini serta saling menyokong sesama kita semasa keadaan yang mencabar ini," jelas Yang Berhormat mengakhiri Perutusan.

## Kualiti air tidak konsisten punca air kekuningan

Siaran Akhbar : Jabatan Kerja Raya

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 9 Oktober. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai warna air kekuningan dan tekanan air yang rendah pada masa ini, di sebahagian kawasan Daerah Brunei dan Muara.

Untuk makluman, sejak beberapa hari kebelakangan ini, kualiti air mentah Sungai Tutong tidak konsisten dan mengandungi air berwarna gelap (kehitaman), berpunca daripada pengaliran tanah juga bahan organik ke hilir sungai melalui aliran permukaan tanah (*surface-runoff*).

Walau bagaimanapun, pihak jabatan meningkatkan usaha untuk menangani isu air berwarna dengan melaksanakan pelbagai kerja operasi, seperti memantau kualiti air mentah dan air proses setiap dua jam, di Loji Rawatan Air, memantau kualiti air, di tangki-tangki simpanan air juga rangkaian paip air setiap hari, menggunakan kimia tambahan juga memastikan segala tangki penapisan, kolam penjernih, dos kimia, pam-pam dan sebagainya di Loji Rawatan Air berfungsi dengan baik.

JKR ingin menasihatkan orang ramai untuk mengisi air bersih ke dalam bekas-bekas air. Bagi yang mempunyai tangki rumah dan penapis air persendirian dinasihatkan untuk memastikan peralatan tersebut sentiasa di dalam keadaan bersih dengan melakukan rutin *flushing* juga *backwashing*.

Sehubungan itu, bagi orang ramai yang tidak mempunyai tangki rumah dan penapis adalah disarankan untuk menghubungi hotline Darussalam Talian 123 ataupun melalui WhatsApp 123 (+673 8333123), Facebook : Jabatan Kerja Raya Brunei Darussalam ataupun Instagram @JKRBrunei.

Bagi sebarang aduan berhubung bekalan air, orang ramai adalah diingatkan untuk memberikan alamat penuh bagi memudahkan pihak jabatan untuk melakukan pemeriksaan. Di samping itu juga, pihak jabatan ingin menasihatkan orang ramai supaya memasak air bersih sebelum digunakan untuk masakan atau minuman sebagai langkah berjaga-jaga dan memohon kerjasama semua pihak untuk berjimat cermat dalam penggunaan air.

# CAPAI KEMAKMURAN DALAM NORMA BAHARU

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 10 Oktober. - Kesihatan Mental bukan satu perkara yang dianggap sebagai 'pantangan' seperti sebelumnya.

Pengiktirafannya yang semakin meluas, bukan sahaja dilihat dalam agenda negara, ia juga merupakan salah satu keutamaan, di bawah Kepengerusian Negara Brunei Darussalam bagi ASEAN tahun ini.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejah Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menjelaskan, kita semua maklum, bahawa kesihatan tidak bermakna tanpa kesihatan mental dan kesihatan mental yang melibatkan semua pihak.

"Dan yang paling mustahak, kita sedia maklum, bahawa kesihatan mental merupakan isu yang benar di Negara Brunei Darussalam dan negara lain," ujar Yang Berhormat pada Pembukaan Program Hari Kesihatan Mental Sedunia Negara Brunei Darussalam, yang diadakan secara maya, hari ini.

Yang Berhormat menjelaskan, di sinilah pentingnya usaha dan advokasi yang telah diungkayahkan dalam sesi itu. Menurut Yang Berhormat, inisiatif demikian dan lain-lain di sepanjang tahun menampilkan satu ekosistem

yang lebih kukuh dari sebelumnya.

"Inilah ekosistem yang mengiktiraf kesihatan mental sebagai faktor teras kepada kesejahteraan kita, iaitu asas yang membolehkan kita untuk menjalankan kehidupan dan melibatkan diri dalam masyarakat dengan sepenuhnya. Inilah ekosistem yang amat diperlukan dalam menghadapi gelombang COVID-19 yang terkini," ujar Yang Berhormat.

Sejak permulaan pandemik demikian jelas Yang Berhormat, statistik yang dikongsikan oleh Kementerian Kesihatan menunjukkan, bahawa sepanjang tahun lepas, perkhidmatan psikologi, di Hospital RIPAS menerima 400 hingga 500 orang pesakit dalam satu bulan secara purata.

Dalam masa yang sama, tambah Yang Berhormat, Talian Harapan 145 menerima lebih dari 700 panggilan, pada Ogos tahun ini, satu peningkatan yang signifikan jika dibandingkan dengan purata 200 panggilan sebulan sebelum ini. Dan tanpa mengira kesan pandemik, sekitar 1.5 peratus daripada penduduk negara ini mengalami isu keceluaran mental.

"Kita hendaklah mengajukan pertanyaan kepada diri kita: bagaimanakah cara untuk

■ **SEJAK** permulaan pandemik, statistik yang dikongsikan oleh Kementerian Kesihatan menunjukkan, bahawa sepanjang tahun lepas, perkhidmatan psikologi, di Hospital RIPAS menerima 400 hingga 500 orang pesakit dalam satu bulan secara purata.

■ **TALIAN** Harapan 145 menerima lebih dari 700 panggilan, pada bulan Ogos tahun ini, satu peningkatan yang signifikan jika dibandingkan dengan purata 200 panggilan sebulan sebelum ini. Dan tanpa mengira kesan pandemik, sekitar 1.5 peratus daripada penduduk negara ini mengalami isu keceluaran mental.

menghalakan statistik ini kepada tindakan berterusan. Inilah tujuan utama Program Hari Kesihatan Mental Sedunia Negara Brunei Darussalam diadakan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengetengahkan satu amalan terbaik dari tetangga kita di ASEAN : penubuhan pusat portal sumber kesihatan mental," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat berkata, portal ini, bukan sahaja berfungsi sebagai pusat sumber yang direka oleh pakar kesihatan mental, ia direkomendasi bagi memastikan akses kepada sumber yang dipercaya bagi individu yang memerlukan bantuan.

Perkara ini dilihat sebagai faktor yang kritikal untuk menangani kesan psiko-sosial berikutan COVID-19 dan apa yang turut penting bagi menangani sumber maklumat yang keterlaluan berhubung pandemik ini.

Dalam tempoh tiga minggu yang akan datang dan selanjutnya, tambah Yang Berhormat lagi,

cabarlah diri untuk memastikan ekosistem kita akan membolehkan kesihatan mental untuk dinikmati oleh semua.

"Bagaimana untuk meluaskan pencapaian yang sudah diraih, bagaimana untuk menyatakan usaha-usaha kita, bagaimana untuk menghulurkan bantuan kepada lebih ramai individu. Dan yang paling penting, bagaimana untuk memastikan, tiada yang tertinggal, khususnya dalam pandemik ini," ujar Yang Berhormat.

Ke arah ini, jelas Yang Berhormat lagi, kita hendaklah melihat bagaimana badan organisasi dan institusi boleh menerajui perubahan dengan mengukuhkan dan mengubah dasar masing-masing, di samping berusaha secara individu. Inilah perubahan masa yang akan memberikan tanda jelas bahawa kesihatan mental melibatkan semua pihak.

Dalam pada itu, kata Yang Berhormat, amatlah mustahak




**YANG** Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa berucap Pembukaan Program Hari Kesihatan Mental Sedunia Negara Brunei Darussalam, yang diadakan secara maya.

untuk menghala dasar kepada tindakan yang praktikal, antara lain melalui kumpulan sokongan dan ini memerlukan kita untuk menggariskan matriks yang mengukur tahap kejayaan, satu faktor yang kritikal bagi perubahan yang berkekalan.

Ke arah ini, tambah Yang Berhormat lagi, marilah meneruskan peranan masing-masing dan selebihnya. Bersama dan marilah menangani 'Kesihatan Mental Dunia Yang Kurang Saksama' dan seperti yang dihasratkan melalui tema ASEAN tahun ini : Marilah kita menjaga satu sama yang lain, marilah kita bersedia untuk menghadapi cabaran bersama, marilah kita mencapai kemakmuran bersama dalam norma baharu, di mana tiada yang akan tertinggal.

## Peranan kaunseling, psikologi penting



**PROGRAM** Hari Kesihatan Mental Sedunia Negara Brunei Darussalam yang dianjurkan oleh CureHeart, Global Shapers Community BSB, PEKA Consultant dan Clarity Sdn. Bhd. dengan tema 'Mental Health in An Unequal World', yang diadakan secara maya.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 10 Oktober. - Dengan membawakan tema 'Mental Health in an Unequal World', Program Hari Kesihatan Mental Sedunia Negara Brunei Darussalam (NBD), yang dianjurkan oleh CureHeart, Global Shapers Community BSB, PEKA Consultant dan Clarity Sdn. Bhd. akan berlangsung selama tiga minggu secara maya dengan merangkumi beberapa program, seperti forum, bengkel dan kumpulan

sokongan.

Program dirasmikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejah Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Tiffany McDonald.

Sementara itu, PYT Tiffany McDonald dalam ucapannya menjelaskan, dalam pelbagai cara

COVID-19 menyukarkan kita untuk terus berhubung, tetapi dengan persahabatan yang baik, Australia dan NBD terus bekerjasama untuk membuat perubahan dan menangani impak COVID-19.

"Australia dengan besar hati menyumbangkan 100,000 vaksin AstraZeneca buatan Australia kepada NBD bulan lalu, pakar-pakar dari Jabatan Kesihatan Australia telah bertemu bersama rakan sejawat, di Kementerian Kesihatan, NBD untuk

bertukar pandangan mengenai pelbagai isu yang berkaitan dengan COVID. Kami juga sedang memberikan latihan untuk mengatasi maklumat palsu COVID-19 dan Australia telah membekalkan peralatan-peralatan makmal untuk NBD," ujar PYT.

PYT melahirkan rasa gembira dapat menyokong barisan hadapan Brunei melalui kerjasama bersama organisasi - organisasi, seperti Society for Community Outreach and Training (SCOT) dan pendermaan darah ke Pusat Pendermaan Darah, Hospital RIPAS sebagai tindak balas untuk memberi sokongan.

Tambah PYT, ini semua merupakan sumbangan yang sangat penting dan berguna terhadap impak fizikal COVID tetapi kita juga menyedari betapa pentingnya bekerjasama untuk menangani masalah kesihatan mental.

Manakala Pengasas CureHeart, Dayang Hajah Norajleen Uminatal Hafizan binti Haji Alimas dalam ucapannya menjelaskan, kesihatan mental sering kali diambil ringan kerana kebanyakkan orang lebih mengutamakan kesihatan fizikal dan tidak mengetahui pentingnya penjagaan kesihatan mental.

"Keduanya sama-sama memiliki peranan yang penting di dalam kehidupan kita yang saling memerlukan keseimbangan kedua-duanya, bagi membolehkan seseorang itu hidup dalam keadaan harmoni dan sejahtera," ujarnya.

Beliau menambah, Perkhidmatan Kaunseling dan Psikologi adalah amat penting bagi

membantu mereka yang menghadapi krisis atau isu-isu yang melibatkan perubahan tingkah laku, cara berfikir dan perubahan perasaan.

Dengan perkhidmatan kaunseling profesional katanya lagi, mereka akan dapat dibimbing untuk menjadikan mereka lebih rasional dan celik akal.

Program pagi itu, diisikan dengan Forum 'Mental Health Education and Its Realities' secara langsung, di YouTube melalui aplikasi Zoom, disampaikan oleh dua panel, iaitu Counselling Psychologist, Clarity Sdn. Bhd., Todd McPherson; dan Consultant Psychiatrist & Head of Psychiatry Services, Kementerian Kesihatan, Dr. Hilda Ho, dikendalikan oleh Ahli Shaper & Convener Global Shapers Community, Bandar Seri Begawan, Fadli M. Zaini.

Forum tersebut mengupas mengenai kemajuan yang telah dicapai dalam mendidik orang ramai mengenai cabaran menangani masalah kesihatan mental; keimbangan, seperti bagaimana masalah kesihatan mental timbul; inisiatif yang dilakukan untuk mengatasi masalah dan cabaran; juga cara untuk membantu membina masa depan yang lebih baik.

Adapun objektif program diadakan bagi meningkatkan kesedaran dan mengurangkan stigma terhadap kesihatan mental secara berterusan; menyediakan sumber, peluang rangkaian, juga bimbingan kepada pelajar dan profesional muda yang menceburi bidang kesihatan mental; juga memberikan sokongan masyarakat.

# BAHASA MELAYU, TULISAN JAWI HARUS BERTERASKAN, BERAKARKAN PERKEMBANGAN ILMU PENGETAHUAN

Oleh: Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto : Ihsan Dr. Muhammad Najib Noorashid

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 9 Oktober. - Penggunaan tulisan Jawi pada masa sekarang adalah agak sedikit ke belakang dan kita harus meningkatkan kecintaan terhadap tulisan Jawi kerana bahasa Melayu itu akarnya adalah daripada tulisan Jawi.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim

menyatakan perkara tersebut, pada sidang Forum Tamu Bahasa, yang dikendalikan secara maya, menerusi media sosial Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei (DBP) baru-baru ini.

Yang Berhormat juga menerangkan, terdapat tiga versi tulisan Jawi yang kadang kala mengelirukan anak-anak sekolah, iaitu versi-versi Kementerian Pendidikan, Adat Istiadat dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Kemajuan sekarang, jelas Yang Berhormat, menjurus pada bahasa

dunia, iaitu bahasa Inggeris, namun kita harus ingat, bahawa kemasyhuran negara kita berdasarkan pada Melayu Islam Beraja (MIB).

Pihak kerajaan menerusi DBP sebagai pelaksana dasar harus ke hadapan, termasuk memastikan penggunaan bahasa Melayu dan tulisan Jawi dengan cara yang betul juga memastikan kerasmian bahasa Melayu digunakan dalam peringkat pentadbiran.

Selain itu, perlu diperkasakan lagi ilmu mengenai bahan kerana banyak orang *kitani* belum mengenali apa itu pantun, syair, puisi dan sebagainya.

Yang Berhormat juga menekankan, bahasa Melayu dan tulisan Jawi harus berteraskan juga berakarkan dengan perkembangan ilmu pengetahuan kerana adanya ilmu pengetahuan itu dapat menjadikan negara lebih maju.

Sementara itu, seorang lagi ahli panel, Penyelidik Bahasa dari Universiti Brunei Darussalam, Dr. Muhammad Najib bin Noorashid menyentuh mengenai hasil penelitian kontemporari terhadap situasi semasa dan status vitaliti bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam juga perbandingannya dengan variasi bahasa Melayu standard di Malaysia, Indonesia dan Singapura.

Dr. Muhammad Najib juga menerangkan, kesedaran penutur jati bahasa Melayu dan peranan penting pihak-pihak berkepentingan, seperti DBP dan Majlis Bahasa Melayu Brunei - Indonesia - Malaysia (MABBIM) juga Kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam mempertahankan penggunaan

bahasa Melayu dalam menongkah arus globalisasi yang melibatkan penggunaan bahasa Inggeris.

Sesi panel ini, turut menyentuh kekuatan falsafah MIB dalam mengekalkan vitaliti bahasa Melayu di negara ini, selain membincangkan penggunaan bahasa Melayu sebagai sebahagian daripada identiti penutur dan masyarakat Melayu di Negara Brunei Darussalam juga perkembangannya dalam era teknologi dan maklumat, selain menghadapi era Revolusi Industri 4.0.

Ahli panel turut mencadangkan beberapa strategi pemberdayaan bahasa Melayu dan kajian-kajian melibatkan bahasa Melayu melalui perspektif empirikal dan induktivisme.

Tamu Bahasa merupakan salah satu program pemartabatan

bahasa Melayu, di bawah payung Bulan Bahasa, yang dijalankan sepanjang tahun 2021.

Forum bertajuk 'Bahasa Melayu dalam Alam Melayu' diharap mendapat sokongan dan penglibatan pelbagai pihak untuk menyebarluaskan pengetahuan juga memantapkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara, termasuk tulisan Jawi.

Selain itu, ia juga membincangkan isu-isu semasa, yang bukan hanya tertumpu pada pemantapan penggunaan bahasa Melayu, istilah-istilah baharu dan tulisan Jawi, tetapi juga turut mempelopori perbincangan dalam pelbagai disiplin ilmu semasa, iaitu sains, teknologi, ideologi, kebudayaan dan ranah ilmu lain yang bersinergi mendukung usaha pengembangan juga pemartabatan bahasa Melayu.



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara; dan Penyelidik Bahasa dari Universiti Brunei Darussalam, Dr. Muhammad Najib bin Noorashid adalah para ahli panel pada Forum Tamu Bahasa, yang dikendalikan secara maya, menerusi media sosial Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

## Pelaut dinasihat sentiasa berwaspada

**Siaran Akhbar : Pihak Berkua Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 9 Oktober. - Pihak Berkua Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) ingin menasihatkan orang ramai, terutama pemandu bot untuk mengambil langkah berjaga-jaga sebelum menaiki bot ketika keadaan cuaca tidak menentu.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Kaji Cuaca Brunei Darussalam (BDMD) yang dikeluarkan pada 1 Oktober 2021, Negara Brunei Darussalam kini berada dalam tempoh Intermonsoon, merupakan tempoh peralihan selepas monsun

barat daya dan sebelum memasuki Monsun Timur Laut, yang dijangka akan berlangsung hingga hujung November.

Dalam tempoh ini, Negara Brunei Darussalam akan mengalami hujan lebat atau ribut petir. BDMD juga meramalkan keadaan laut berombak di para sederhana dan boleh mencapai paras bergelora 2.0 meter semasa hujan lebat dan berangin. Semasa keadaan laut yang sedemikian, sebarang aktiviti air, termasuk memancing tidak digalakkkan.

Pihak MPABD, seterusnya menasihatkan orang ramai untuk

merujuk ramalan cuaca harian dan mengambil langkah-langkah keselamatan, seperti memakai jaket keselamatan semasa menaiki bot; tidak melebihi had maksima kapasiti bot; memastikan bot awda dalam keadaan baik sebelum memulakan perjalanan; dan memaklumkan keluarga dan / atau rakan awda mengenai keberadaan awda juga rancangan perjalanan awda.

Pihak MPABD ingin mengambil kesempatan ini, untuk mengingatkan orang ramai, terutamanya pemandu bot untuk tidak memasuki kawasan zon-zon keselamatan pelantar minyak dalam lingkungan 500 meter dari binaan-binaan dan pemasangan, di kawasan perairan NBD bagi mengelakkan kemalangan dan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku.

Keselamatan berperahu adalah tanggungjawab bersama. Pemakaian jaket keselamatan dan dengan mematuhi peraturan-peraturan yang digariskan oleh pihak MPABD, ia akan dapat mengurangkan risiko kejadian lemas dan mengelakkan terjadinya kecederaan. Jika berlaku sebarang insiden kecemasan, orang ramai dinasihatkan untuk segera hubungi +673 8250289.

**■ ORANG ramai, terutama pemandu bot untuk mengambil langkah berjaga-jaga sebelum menaiki bot ketika keadaan cuaca tidak menentu.**

**■ NEGARA Brunei Darussalam akan mengalami hujan lebat atau ribut petir. BDMD juga meramalkan keadaan laut berombak di para sederhana dan boleh mencapai paras bergelora 2.0 meter semasa hujan lebat dan berangin. Semasa keadaan laut yang sedemikian, sebarang aktiviti air, termasuk memancing tidak digalakkkan.**

**■ ORANG ramai, terutamanya pemandu bot untuk tidak memasuki kawasan zon-zon keselamatan pelantar minyak dalam lingkungan 500 meter dari binaan-binaan dan pemasangan, di kawasan perairan NBD bagi mengelakkan kemalangan dan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku.**



**S**IDANG Plenary Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN mengenai Jenayah Rentas Sempadan (AMMTC) Kali Ke-15 berlangsung secara maya, di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Mesyuarat dipengerusikan oleh Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejuri Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negara. Mesyuarat turut dihadiri oleh Menteri-menteri dan Ketua-ketua delegasi dari Negara-negara Anggota ASEAN, Setiausaha Agung ASEAN juga Pegawai-pegawai Kanan dari Negara-negara Anggota ASEAN dan Sekretariat ASEAN.

Yang Berhormat Pehin menyatakan Negara Brunei Darussalam (NBD) akan terus mendukung usaha-usaha serantau dan antarabangsa ke arah membanteras jenayah rentas sempadan dengan memberikan tumpuan pada peluang-peluang juga cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Negara-negara ASEAN semasa era pasca COVID-19.

Menurut Yang Berhormat Pehin, AMMTC perlu mengukuhkan lagi tahap kerjasama dengan badan-badan sektor ASEAN dan negara-negara rakan dialog ASEAN bagi membantu usaha-usaha pemulihan serantau semasa krisis pandemik COVID-19, pada masa ini.

Mesyuarat AMMTC Ke-15 kali ini juga bersetuju untuk menerima pakai 'Bandar Seri Begawan Declaration on Combating Transnational Crime Post-COVID-19 Pandemic', yang akan menjadi asas pada perancangan masa hadapan AMMTC untuk menangani trend-trend jenayah terkini, khususnya di era pasca COVID-19 nanti, seperti jenayah siber dan aktiviti penyeludupan di kawasan sempadan.

Selain itu, mesyuarat turut bersetuju untuk mengesahkan 'ASEAN Border Cooperation Roadmap' yang menggariskan sejumlah usaha-usaha untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan di kawasan-kawasan sempadan, di rantau ASEAN. Di samping itu, mesyuarat juga mempersetujui Kenyataan Bersama (Joint Declaration) bagi Mesyuarat AMMTC Kali Ke-15.

Semasa Sidang Plenary tersebut, Menteri-menteri dan Ketua-ketua Delegasi ASEAN juga bertukar-tukar pandangan mengenai usaha-usaha serantau untuk menangani isu jenayah rentas sempadan. Dalam hal ini, Negara Brunei Darussalam meneckankan akan perlunya bagi Whole-of-Nation Approach untuk menangani ancaman jenayah rentas sempadan semasa musim pandemik COVID-19.

Mesyuarat juga membincangkan status pelaksanaan aktiviti-aktiviti, di bawah Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN mengenai Jenayah Rentas Sempadan (SOMTC) dan Mesyuarat Ketua-ketua Pengarah Jabatan Imigresen dan Ketua-ketua Bahagian Hal Ehwal Konsular Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (DGICM).

Delegasi NBD di Mesyuarat AMMTC Kali Ke-15, diketuai oleh Setiausaha Tetap (Keselamatan, Pengukuasaan dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Sufian bin Haji Sabtu. Turut hadir pada mesyuarat tersebut, Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan, Pengukuasaan dan Undang-Undang), di JPM, Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohd. Taib dan Pegawai-pegawai Kanan JPM.

SUMBER : <https://asean2021.bn>.

# SUMBANGAN SEBAGAI TANDA PENGHARGAAN



**Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, Medical Grade Personal Protective Equipment (PPE),

SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Kesihatan semasa menerima sumbangan daripada Wu Chun.

bernilai BND20,000, termasuk pelitup muka (*face shield*), *boot cover* dan *protective suit* disumbangkan kepada Kementerian Kesihatan daripada seorang pengusaha dan selebriti di Negara Brunei Darussalam, Wu Chun, baru-baru ini bagi sama-sama menangani membendung penularan

COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Hadir bagi menerima sumbangan tersebut, Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin.

Sebanyak 800 set akan diserahkan kepada petugas-petugas barisan hadapan (*frontliners*), di Kementerian Kesihatan, 100 set ke Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC); dan 100 set ke Pusat Pakar Perubatan Pantai Jerudong (PJSC).

"Saya berasa sangat beruntung kerana dapat membantu responden dan pakar perubatan, di mana merupakan hero kepada barisan hadapan bagi membantu memerangi wabak

ini dengan sumbangan PPE tersebut," ujar Wu Chun.

"Sumbangan ini merupakan hasrat saya sempena ulang tahun saya, selain itu juga, sebagai tanda penghargaan saya pada perkhidmatan yang berani dan berdedikasi. Ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan saya bagi menyokong pihak kerajaan. Dengan rasa rendah hati, hanya dengan ini sahaja kemampuan saya untuk sama-sama membantu menghulur tangan dengan pihak kerajaan," tambahnya.

Sumbangan ini juga merupakan salah satu daripada inisiatif dermawan yang dilakukan sempena ulang tahun beliau, setiap bulan Oktober.

Orang ramai yang ingin membuat sebarang sumbangan, bolehlah berhubung terus bersama MOH Emergency Operation Centre (MOHEOC) menerusi talian +673 7295712, pada waktu bekerja sahaja.

## Tatacara permohonan bagi petugas kritikal

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Infografik : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi;

Jabatan Perdana Menteri

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 9 Oktober. - Berikut dengan pengumuman strategi tambahan khususnya dalam Operasi Pulih yang diadakan selama dua minggu bermula 4 Oktober 2021 hingga 17 Oktober

2021, beberapa Tatacara Permohonan bagi Petugas Kritikal / Syif dikongsikan oleh jabatan dan Kementerian-kementerian.

Permohonan ini dibuat untuk mendapatkan sokongan kebenaran bagi petugas yang

menjalankan kerja sebagai petugas kritikal (*critical frontliners workers*) untuk ditujukan kepada pihak penguatkuasaan semasa operasi, yang berlangsung jam 8.00 malam hingga 4.00 pagi.

Tatacara permohonan adalah seperti, pertama, syarikat-syarikat di bawah jabatan / kementerian masing-masing perlu memuat

turun borang permohonan melalui laman-laman sesawang yang dikongsikan.

Kedua, borang permohonan perlulah dilengkapkan dengan maklumat yang betul dan tepat juga melampirkan salinan kad pengenalan dan Borang LD (bagi pekerja asing) yang sah.

Ketiga, borang permohonan

yang lengkap boleh dihantar melalui e-mel yang disediakan. Keempat, pengesahan kebenaran akan dihantar melalui e-mel.

Akhir sekali, kelima, kongsikan sokongan kebenaran tersebut kepada setiap petugas kritikal untuk ditujukan kepada pihak penguatkuasaan melalui telefon pintar masing-masing jika perlu.

**Permohonan bagi Petugas Kritikal**  
di bawah kawalan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

### Muat turun borang permohonan


melalui laman sesawang [www.mtic.gov.bn](http://www.mtic.gov.bn)

1



Syarikat-syarikat di bawah kawalan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi bolehlah memuat turun borang permohonan di [www.mtic.gov.bn](http://www.mtic.gov.bn)


2



Borang permohonan perlulah dilengkapkan dengan maklumat yang betul dan tepat.

Sila pastikan saiz dokumen tidak melebihi 3 MB

3




Hantarkan borang permohonan yang lengkap melalui emel kepada :  
Sektor pengangkutan - [transport@mtic.gov.bn](mailto:transport@mtic.gov.bn)  
Sektor infokomunikasi - [infocommunications@mtic.gov.bn](mailto:infocommunications@mtic.gov.bn)

4



Pengesahan kebenaran akan dihantar melalui emel.

5



Kongsikan sokongan kebenaran tersebut kepada setiap petugas kritikal untuk ditunjukkan kepada pihak berkuasa melalui telefon pintar masing-masing jika perlu.

**Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi**

[transport@mtic.gov.bn](mailto:transport@mtic.gov.bn) (sektor pengangkutan) atau [infocommunications@mtic.gov.bn](mailto:infocommunications@mtic.gov.bn) (sektor infokomunikasi)

**PERMOHONAN BAGI PETUGAS KRITIKAL**  
di bawah kawalan Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam

**Muat turun Borang Permohonan**  
melalui laman sesawang [www.jpm.gov.bn](http://www.jpm.gov.bn)

Syarikat-syarikat di bawah kawalan Jabatan Perdana Menteri bolehlah memuat turun borang permohonan di [www.jpm.gov.bn](http://www.jpm.gov.bn)

Borang permohonan perlulah dilengkapkan dengan melampirkan bersama salinan Kad Pengenalan dan borang LD (bagi pekerja asing) yang sah

Hantarkan borang permohonan yang lengkap melalui emel kepada [covid19.info@jpm.gov.bn](mailto:covid19.info@jpm.gov.bn)

Pengesahan kebenaran akan dihantar melalui emel

Kongsikan sokongan kebenaran tersebut kepada setiap petugas kritikal untuk ditunjukkan kepada pihak berkuasa melalui telefon pintar masing-masing jika perlu


# PENGGIAT SENI TEMPATAN HARUMKAN NAMA NEGARA



**PENERIMA** Hadiah Sastera MASTERA Ke-9, Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Yahya bin Haji Ibrahim (Yahya M.S) (kiri). Manakala gambar kanan, johan Kategori Puisi Sayembara Penulisan Kreatif Peringkat Rantau MASTERA melalui sajak berjudul 'Soldadu Aksara', Awangku Mohd. Noor Sham @ Awangku Hidie bin Pengiran Hidup.

Siaran Akhbar dan Foto : Dewan Bahasa dan Pustaka

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 9 Oktober. - Majlis Sastera Asia Tenggara atau singkatannya MASTERA



KUMPULAN PUISI : Surat-surat Kemerdekaan.

mengungkayahkan program penggalak penulis, iaitu Hadiah Sastera Mastera (HSM) Ke-9 dan Sayembara Penulisan Kreatif Mastera. Projek dianjurkan oleh MASTERA Malaysia dengan kerjasama Negara Anggota MASTERA (Negara Brunei Darussalam, Indonesia dan Singapura), baru-baru ini.

Para penerima HSM Ke-9 Kategori Karya Sastera Kreatif dan Kategori Karya Sastera Bukan Kreatif di peringkat rantau MASTERA merupakan pengkarya berbahasa Melayu dari rantau Asia Tenggara masing-masing dari Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura.

Bagi Negara Brunei Darussalam penerima Hadiah Sastera MASTERA Ke-9, Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Yahya bin Haji Ibrahim (Yahya M.S) diangkat dan diiktiraf dalam kedua-dua kategori tersebut melalui karya Kumpulan Puisi : Surat-surat Kemerdekaan dan karya Gagasan Ketatanegaraan dalam Syair Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Pengumuman pengiktirafan ini disaksikan secara langsung dan terbuka hari ini, melalui media sosial Facebook Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia. Pengumuman disampaikan oleh Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, Yang Berbahagia Datuk Haji Abang Sallehuddin bin Abang Haji Shokeran.

Juga turut menyaksikan pengumuman ialah Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab selaku Pemangku Penggerusi MASTERA Negara Brunei Darussalam; panel penilai anugerah; ahli-ahli lima negara anggota MASTERA juga para penggiat seni sastera, bahasa dan budaya.

Sementara pengumuman keputusan Sayembara Penulisan Kreatif MASTERA juga dihebahkan secara langsung. Dua kategori telah dipertandingkan.

Para penerima HSM Ke-9 Kategori Karya Sastera Kreatif dan Kategori Karya Sastera Bukan Kreatif di peringkat rantau MASTERA merupakan pengkarya berbahasa Melayu dari rantau Asia Tenggara masing-masing dari Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura).

## Soldadu Aksara

Soldadu aksara yang sekian lama berdiri kukuh membenteng ayat dan kata akhirnya mati berkecaci tanpa sisak akibat tuhan peluru dan bom petualang di medan perang bahasa tanpa mengira aksara mana satukah yang akan dicabut nyawanya hingga mati sia-sia tanpa sempat meletakkan panji noktah pada kubu wacana lawan, lalu angkatan tentera manakah yang bakal melaungkan slogan keramat senjata aksara yang terlucut dan batalion manakah yang rela mengaku kalah

Gempita letusan masih membuka di medan perang bahasa sedang aku masih merangkak di antara mayat para pejuang mencari sisa soldadu aksara yang masih bernyawa yang berani mara mengangkat mata penanya membunuh musuh yang menyamar di balik dakwat hitam namun yang kudapat hanya laskar bacul, yang kononnya antara pilihan yang gagah bersilat lidah, namun dari belakang ia menusukkan keris dombangnya, hingga dengan lantang mengaku dialah panglima bahasa yang teguh mempertahankan tanah aksaranya yang jujur memperjuangkan bahasa bangsanya

Di sini akukah si bacul itu yang sekadar mampu menyaksikan ramai soldadu aksara, yang mati tanpa sempat melafazkan mukadimah, yang mati tanpa sempat berukir tanda dan baris, yang mati tanpa sempat sampai ke hujung noktah, yang mati tanpa diarak paluan gendang bersempoyan, yang mati carik ke bumi tanpa pusara dan kalungan bunga dalam mencari tanda titik...

titik...  
titik...

## SAJAK berjudul 'Soldadu Aksara'.

Peraduan yang julung-julung kali diadakan di peringkat rantau MASTERA itu menjadi catatan sejarah Negara Brunei Darussalam apabila Awangku Mohd. Noor Sham @ Awangku Hidie bin Pengiran Hidup dari Negara Brunei Darussalam diangkat sebagai johan Kategori Puisi Sayembara Penulisan Kreatif Peringkat Rantau MASTERA melalui sajak berjudul 'Soldadu Aksara'. Pemenang menerima hadiah wang tunai berjumlah RM3,000 (tiga ribu ringgit Malaysia).

Manakala tempat kedua dan ketiga dimenangi oleh penulis

muda dari negara Malaysia dan Indonesia. Sementara bagi Kategori Cerpen, johan disandang oleh penulis muda dari Indonesia, naib johan dan tempat ketiga dimenangi oleh penulis muda dari Malaysia dan Indonesia.

Sayembara diadakan bertujuan melahirkan penulis-penulis baharu dalam bidang penulisan kreatif, mengembangkan bakat dan karya kreatif dalam kalangan masyarakat negara. Anggota MASTERA juga sebagai usaha memartabatkan sastera, bahasa dan budaya, Melayu di rantau ini.



**SUMBANGAN** diserahkan oleh Pengarah Urusan Perbadanan TAIB, Datin Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim kepada Ketua Pegawai Perhubungan Kerajaan dan GLC, Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam (BRC), Awang Haji Mohd. Yusri bin Haji Wahsalfelah.

Untuk sama-sama membantu Operasi COVID-19 BRC dalam usaha bersama Kementerian Kesihatan bagi membendung penularan wabak COVID-19

dengan menyediakan pelbagai perkhidmatan sokongan seperti BRC Transportation Fleet, perkhidmatan BRC Medical Support Team bersama

EMAS 995 dan bantuan distribusi catuan makanan asasi kepada masyarakat yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19.

## Tampil hulurkan bantuan tangani COVID-19

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto : Ihsan Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 9 Oktober. - Cetusan gelombang kedua COVID-19 yang melanda negara sejak Ogos lalu begitu berbeza dari tahun sebelumnya di mana memerlukan lebih banyak sokongan dan bantuan daripada pihak atau agensi yang berkaitan.

Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam (BRC) antara agensi yang tampil dalam sama-sama membantu dengan membahagikan skop tugasannya demikian meringankan beban Kementerian Kesihatan pada situasi ketika ini.

Antara skop kerja sukarelawan yang BRC kendalikan adalah seperti Pusat Panggilan BRC, Pasukan Sokongan Perubatan, C19 Food Basket, pasukan yang mengendalikan gelang tangan bagi para pesakit dan mereka yang menjalani kuarantin, pasukan Art Screening dan juga bertugas dalam

pengangkutan bagi pesakit-pesakit COVID-19. Sukarelawan BRC juga ada memberikan khidmat di pusat-pusat isolasi iaitu CIC PKBN, Temburong dan CHAM, Tutong.

Dalam menanai tugasannya sukarelawan tersebut, BRC, baru-baru ini menerima lagi bantuan dan sumbangan daripada Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB). Perbadanan TAIB telah menyumbangkan sebanyak 200 baucar petrol keseluruhannya bernilai BND2,000.

Hadir menyerahkan sumbangan yang berlangsung di bangunan Pejabat Perbadanan TAIB tersebut ialah Pengarah Urusan, Datin Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim dan diserahkan kepada Ketua Pegawai Perhubungan Kerajaan dan GLC, BRC, Awang Haji Mohd Yusri bin Haji Wahsalfelah.

Sumbangan tersebut adalah

# KDNK Q2 2021 CATAT PENURUNAN

**KDNK mengikut Pendekatan Perbelanjaan pada Harga Tetap:**

	Q2 2020	Q2 2021	% Pertumbuhan
<b>Permintaan Dalam Negeri</b>	<b>3,305.3</b>	<b>3,650.1</b>	<b>10.4</b>
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan	844.7	866.6	2.6
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah	889.4	1,013.1	13.9
Perbelanjaan Kapital	1,571.3	1,770.4	12.7
<b>Permintaan Luar Negeri</b>	<b>3,409.9</b>	<b>3,037.9</b>	<b>(10.9)</b>
Eksport Barang dan Perkhidmatan	3,409.9	3,037.9	(10.9)
<b>KDNK</b>	<b>4,785.4</b>	<b>4,683.5</b>	<b>(2.1)</b>

**Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 9 Oktober. - Pada suku kedua (Q2) 2021, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negara Brunei Darussalam menurun sebanyak 2.1 peratus tahun-ke-tahun.

Ini adalah disebabkan oleh penurunan dalam Sektor Minyak dan Gas sebanyak 4.7 peratus. Sektor Bukan Minyak dan Gas pula mencatatkan peningkatan sebanyak 0.9 peratus.

Jumlah KDNK Negara Brunei Darussalam pada harga semasa adalah sebanyak BND4.7 bilion, berbanding BND4.0 bilion pada Q2 2020.

Sektor Minyak dan Gas yang merangkumi aktiviti perlombongan minyak dan gas juga pembuatan Gas Cecair Asli (LNG) menyumbang sebanyak 50.6 peratus daripada jumlah nilai tambah kasar (GVA).

Sementara itu, Sektor Bukan Minyak dan Gas, di mana termasuk aktiviti hiliran, seperti pembuatan produk petroleum dan kimia, telah menyumbang sebanyak 49.4 peratus.

Penurunan dalam Sektor Minyak dan Gas adalah disebabkan oleh

penurunan pengeluaran minyak mentah daripada 118.3 ribu tong sehari, pada Q2 2020 kepada 111.1 ribu tong sehari, pada Q2 2021.

Pengeluaran gas asli juga menurun daripada 34.3 juta meter padu sehari pada Q2 2020 kepada 31.5 juta meter padu sehari, pada Q2 2021.

Selain itu, pengeluaran LNG juga mencatatkan penurunan daripada 910,974 MMBtu sehari kepada 852,689 MMBtu sehari, pada tempoh masa yang sama.

Penurunan pada pengeluaran minyak mentah dan gas asli adalah disebabkan oleh aktiviti penyelenggaraan juga pemulihan.

Sementara itu, penurunan pengeluaran LNG pula adalah disebabkan oleh bekalan gas yang terhad dan aktiviti penyelenggaraan, pada salah satu kemudahan loji LNG.

Manakala, peningkatan dalam Sektor Bukan Minyak dan Gas adalah terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam subsektor Perdagangan Borong dan Runcit selaras dengan peningkatan permintaan domestik berikutnya

sekatan perjalanan keluar negara, yang masih dikuatkuasakan bagi mencegah penularan pandemik COVID-19 juga sambutan perayaan Aidilfitri, pada pertengahan Mei 2021.

Peningkatan subsektor ini adalah juga selaras dengan peningkatan jualan runcit yang didorong oleh jualan, di Gedung Serbaneka juga Tekstil, Pakaian dan Kasut.

Ini, diikuti dengan peningkatan Subsektor Elektrik dan Air, yang terutamanya disebabkan oleh kenaikan pengeluaran elektrik selaras dengan peningkatan penggunaan komersial, awam dan industri.


Prestasi Subsektor Restoran juga menggalakkan, pada Q2 2021 selaras dengan peningkatan permintaan domestik, berikut sekatan perjalanan keluar negara yang masih dikuatkuasakan.

Subsektor Perkhidmatan Kesihatan juga meningkat, berikutnya peningkatan dalam aktiviti perkhidmatan kesihatan bagi sektor kerajaan dan sektor swasta.

Selain itu, Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan juga mencatatkan kenaikan sebanyak 12.9 peratus, pada Q2 2021 berikutnya peningkatan dalam pengeluaran subsektor-subsektor Perikanan, Ternakan dan Perhutanan.

Peningkatan aktiviti-aktiviti perikanan adalah disebabkan oleh industri penangkapan ikan dan akuakultur. Hasil keluaran tangkap nelayan kecil-kecilan adalah penyumbang terbesar pada peningkatan industri penangkapan ikan.

Manakala penyumbang utama



bagi peningkatan industri akuakultur adalah daripada peningkatan keluaran ternakan udang. Sementara itu, peningkatan dalam aktiviti ternakan adalah disebabkan oleh peningkatan pengeluaran daging kerbau, daging kambing, ayam pedaging dan telur.

Peningkatan pada pengeluaran kayu balak adalah penyumbang utama kepada pertumbuhan subsektor perhutanan.

Mengikut pendekatan perbelanjaan, penurunan KDNK adalah terutamanya disebabkan penurunan permintaan luar, iaitu eksport barang dan perkhidmatan sebanyak 10.9 peratus tahun-ke-tahun.

Walau bagaimanapun, penurunan ini diimbangi oleh peningkatan pada permintaan dalam negeri seperti Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan sebanyak 2.6 peratus,

Perbelanjaan Kapital (khususnya pelaburan swasta) sebanyak 12.7 peratus dan Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah sebanyak 13.9 peratus.

Anggaran KDNK bagi suku pertama (Q1) 2021 juga telah disemak kepada penurunan sebanyak 0.8 peratus, pada harga tetap daripada penurunan sebanyak 1.4 peratus yang dikeluarkan sebelum ini setelah mengambil kira pengemaskinian data daripada agensi-agensi pembekal data.

KDNK adalah ukuran bagi jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran.

Laporan penuh KDNK Suku Kedua 2021 boleh didapati melalui Laman Sesawang JPES [www.deps.gov.bn](http://www.deps.gov.bn).

## Pencarian 2 mangsa hilang di laut diteruskan



OPERASI juga dibantu oleh para sukarelawan menggunakan lima buah All-Terrain Vehicle.

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat**

**BELAIT**, Sabtu, 9 Oktober. - Pencarian dua orang mangsa yang hilang di laut, pada 1 Oktober 2021 diteruskan lagi melalui darat.

Seramai 19 pegawai dan anggota dari Balai Bomba Kuala Belait, Balai Bomba Seria dan Team Drone Cawangan Operasi 'B', diketuai oleh ASFR Hanapi bin Haji Hamid telah menjalankan operasi Search and Rescue berkenaan.

Menurut kenyataan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), dua mangsa tersebut dipercayai pergi ke laut untuk memancing ikan menggunakan sebuah perahu berukuran 21 kaki, berwarna kuning dan biru.

Operasi pencarian tersebut

bermula jam 12.00 tengah hari hingga 6.00 petang, dari kawasan pesisiran Pantai Los Tanjung Kuala Belait hingga ke pesisiran Pantai SCOT Sungai Bera, Seria.

Operasi ini dibantu oleh lima orang sukarelawan menggunakan lima buah All-Terrain Vehicle (ATV), diketuai oleh Ahmad bin Haji Ismail. Sepanjang operasi pencarian dijalankan tiada tanda-tanda mangsa dijumpai.

JBP menyarankan orang ramai agar sentiasa mengikut perkembangan dan nasihat juga amaran mengenai maklumat keadaan cuaca terkini, yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam melalui siaran RTB, melayari laman sesawang [www.met.gov.bn](http://www.met.gov.bn) atau mengikuti laman sosial Facebook bruneiweather, Instagram @bruneiweather dan aplikasi bimbit Brunei WX.

Jika mendapat ada orang lemas dan minta pertolongan, pastikan awda pandai berenang dan memakai jaket keselamatan sebelum menyelamatkannya.

JBP ada menyediakan program-program, seperti Kursus Life Saver 995, Kursus Fire Marshal dan Taklimat Keselamatan Kebakaran. Bagi meningkatkan pengetahuan mengenai aspek-aspek keselamatan semasa menangani kecemasan juga mengetahui tatacara yang betul penggunaan alat pemadam api. Jika berlaku sebarang insiden, hubungi Talian Kecemasan Bomba 995 dan berikan maklumat tepat.

## Uji Swab ART bagi peniaga tamu



JABATAN Daerah Temburong melalui Unit Perlesenan dan Penguatkuasaan buat pertama kalinya melaksanakan Uji Swab Antigen Rapid Test bagi peniaga-peniaga, di Tamu Sementara Pekan Bangar, di mana kesemua ujian mendapat keputusan negatif.

Oleh : Hernie Suliana Haji Othman  
Foto : Ihsan Jabatan Daerah Temburong

**TEMBURONG**, Sabtu, 9 Oktober. - Jabatan Daerah Temburong melalui Unit Perlesenan dan Penguatkuasaan buat pertama kalinya melaksanakan Uji Swab Antigen Rapid Test (ART) bagi peniaga-peniaga, di Tamu Sementara Pekan Bangar, di sini.

Seramai 16 peniaga menjalani ujian tersebut dan kesemuanya memperoleh keputusan negatif.

Pelaksanaan ujian tersebut merupakan satu usaha jabatan bagi membendung penularan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam selain untuk meningkatkan keyakinan pengunjung ke tamu berkenaan.

Pengunjung juga disarankan untuk sentiasa mematuhi arahan dan nasihat yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan, seperti mengimbas Kod QR BruHealth, memeriksa suhu badan juga mengamalkan penjarakan sosial.


**KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI**

JABATAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ANTARABANGSA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

JAWATAN KOSONG DI PERSATUAN BANGSA-BANGSA BERSATU

**Jawatan :**  
Associate Legal Officer, P2  
**Tempat :** Arusha  
**Tarikh Tutup :** 19 Oktober 2021  
**Laman Sesawang :** <https://bit.ly/3uhyfXI>

**Jawatan :** Legal Officer, P3


**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Sebut Harga :**  
KKBS / OBBD / F-004 (04-2021)

**Tajuk Sebut Harga :**  
RE-QUOTATION MEMBEKAL


**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

CALL FOR EXPRESSION OF INTEREST

TAWARAN TAPAK BAGI

**Tempat :** Arusha  
**Tarikh Tutup :** 20 Oktober 2021  
**Laman Sesawang :** <https://bit.ly/3ueQJrl>

**Jawatan :** Head of Judicial Records Unit, P3  
**Tempat :** Arusha  
**Tarikh Tutup :** 20 Oktober 2021  
**Laman Sesawang :** <https://bit.ly/3uh53Qe>

**Jawatan :** Director, D2  
**Tempat :** New York  
**Tarikh Tutup :** 3 November 2021  
**Laman Sesawang :** <https://bit.ly/3zQEg5p>

**Jawatan :** Public Information Officer, P4  
**Tempat :** New York  
**Tarikh Tutup :** 4 November 2021  
**Laman Sesawang :** <https://bit.ly/3ieUSqC>

**Jawatan :** Training Officer, P3  
**Tempat :** Entebbe

**Tarikh Tutup :** 6 November 2021  
**Laman Sesawang :** <https://bit.ly/39eErBBf>

**Jawatan :** Political Affairs Officer, P4  
**Tempat :** New York  
**Tarikh Tutup :** 7 November 2021  
**Laman Sesawang :** <https://bit.ly/3oaaboj>

**Jawatan :** Human Rights Officer, P4  
**Tempat :** New York  
**Tarikh Tutup :** 7 November 2021  
**Laman Sesawang :** <https://bit.ly/3m4hzq1>

Untuk maklumat lanjut mengenai jawatan tersebut termasuk permohonan, boleh didapatkan melalui pautan yang disertakan di atas dan melalui laman sesawang : <https://careers.un.org/lbw/home.aspx>


**KEMENTERIAN KESIHATAN**

PEMBERITAHUAN IKLAN PEMBATALAN KEMENTERIAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**1. Bil. Tawaran :**  
KK / 300 / 2021 / MOH (TC)

**Keterangan :**  
THE PROVISION OF RENTAL SERVICES OF MINI BUS, VAN AND FOUR WHEEL DRIVE VEHICLES FOR THE AMBULANCE SERVICES, THE MINISTRY OF HEALTH FOR A PERIOD OF SEVEN (7) YEARS


**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Sebut Harga :**  
KSSUP / BPK / SH / 05 / 2021-2022

**Tajuk Sebut Harga :**  
SUPPLY AND DELIVERY OF INDOOR FLAGS, TABLE FLAGS AND TABLE TAG FOR MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**

Khamis,  
21 Oktober 2021,  
jam 2.00 Petang.

**Yuran Sebut Harga :**  
BND5.00  
(Tidak dikembalikan).



PERALATAN / PEKAKAS TALI MENALI BAGI MENGENDALIKAN KEGIATAN / AKTIVITI DI OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM (OBBD) KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Tarikh Akhir Mengambil Borang :**  
19 Oktober 2021 (Selasa).

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
21 Oktober 2021,  
jam 2.00 Petang (Khamis).



MENJALANKAN PERUSAHAAN TERNAKAN IKAN DALAM SANGKAR DI TAPAK INDUSTRI AKUAKULTUR PERIKANAN BUANG TAWAR DAN TANJONG PELUMPOONG DI PERAIRAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tarikh tutup menerima permohonan ialah pada Khamis,  
4 November 2021,  
jam 2.00 Petang.

**PEJABAT PEGUAM NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Tawaran :**  
PPN / ASSET / BUU / CONTRACT / 2021 / 10 / 1

**Tajuk Tawaran :**  
'TERM CONTRACT (12 MONTHS) FOR CLEANING AND HOUSEKEEPING WORKS, LAW BUILDING, ATTORNEY GENERAL'S CHAMBER, JALAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA, BA1910, NEGARA BRUNEI

DARUSSALAM'

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
26 Oktober 2021,  
tidak lewat dari jam 12.00 Tengah Hari.


**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Tajuk Tawaran :**  
MINDEF/DFA/INFRA/FY2021/T/BKS/013 (JPPK/LTK/18/2021)  
MAINTENANCE REPAIR WORKS TO BUILDINGS, CIVIL ENGINEERING AND WASTE MANAGEMENT WORKS FOR THE ROYAL BRUNEI ARMED FORCES AT BERAKAS GARRISON.

**Bayaran Yuran Tawaran (Tidak Dikembalikan) :**  
BND30.00

**Tarikh Tutup :**  
Selasa, 9 November 2021,  
tidak lewat jam 2.00 Petang.


**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

MAKLUMAN PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Tajuk Tawaran :**  
MINDEF/DFA/INFRA/FY2021/T/BKS/012 (JPPK/LTN/03/2021)  
PROPOSED RENOVATION TO KK10 JALAN PASIR BERAKAS.

**Bayaran Yuran Tawaran (Tidak Dikembalikan) :**  
BND30.00

**Tarikh Tutup :**  
Selasa,  
9 November 2021,  
tidak lewat jam 2.00 Petang.


**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Tajuk Tawaran :**  
MINDEF/DFA/INFRA/FY2021/T/IL/005 (JPPK/LTK/16/2021)  
MAINTENANCE OF GRASSCUTTING FOR ONE (1) YEAR AT PENANJONG GARRISON.

**Bayaran Yuran Tawaran (Tidak Dikembalikan) :**  
BND30.00

**Tarikh Tutup :**  
Selasa,  
9 November 2021,  
tidak lewat jam 2.00 Petang.


**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**Bilangan Sebut Harga :**  
48/KHEU/BTM/2/RFQ/2021  
**Tajuk Sebut Harga :**  
MEMBEKAL ANDROID TABLET BAGI KEGUNAAN BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Bayaran Sebut Harga :**  
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
Rabu, 3 November 2021,  
jam 2:00 Petang.


**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

BAHAGIAN BANGUNAN DAN PEMELIHARAAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Bil. Tawaran :**  
KHEU / BDP / 164 / 152 / 2021

**Tajuk :**  
TO SUPPLY AND INSTALL NAMA AND ADAB KUBUR, DAERAH BRUNEI DAN MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

**Tarikh Tutup :**  
Rabu,  
27 Oktober 2021,  
12.00 Tengah Hari.


**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

MAKLUMAN PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Tajuk Tawaran :**  
MINDEF/DFA/INFRA/FY2021/T/BKS/012 (JPPK/LTN/03/2021)  
PROPOSED RENOVATION TO KK10 JALAN PASIR BERAKAS.

**Bayaran Yuran Tawaran (Tidak Dikembalikan) :**  
BND30.00



**Tarikh Tutup :**  
Selasa,  
9 November 2021,  
tidak lewat jam 2.00 Petang.


**IKLAN LANJUTAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**
**TAWARAN PROGRAM  
HARAPAN**

**Bilangan Sebut Harga :**  
MOE / LTK / 40 / 2021 / 2022  
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

**Keterangan :**  
TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR JAMUAN HARIAN SARAPAN PAGI SECARA TAPAU BAGI : SEKOLAH MENENGAH AWANG SEMAUN KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BRUNEI MUARA KOD BLOK : PH/S1 BAGI TEMPOH ENAM (6) BULAN

**Bilangan Sebut Harga :**  
MOE / LTK / 41 / 2021 / 2022  
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

**Keterangan :**  
TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR JAMUAN HARIAN SARAPAN PAGI SECARA TAPAU BAGI : SEKOLAH MENENGAH SULTAN HASAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH TEMBURONG KOD BLOK : PH/S2 BAGI TEMPOH ENAM (6) BULAN

**Bilangan Sebut Harga :**  
MOE / LTK / 42 / 2021 / 2022  
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

**Keterangan :**  
TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR JAMUAN HARIAN SARAPAN PAGI SECARA TAPAU BAGI : MAKTAB ANTHONY ABELL, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BELAIT KOD BLOK : PH/S3 BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

**Bilangan Sebut Harga :**  
MOE / LTK / 43 / 2021 / 2022  
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

**Keterangan :**  
TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR JAMUAN HARIAN SARAPAN PAGI SECARA TAPAU BAGI : SEKOLAH MENENGAH PEHIN DATO SERI MAHARAJA MENTIRI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BRUNEI MUARA KOD BLOK : PH/S4 BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

**Bilangan Sebut Harga :**  
MOE / LTK / 44 / 2021 / 2022  
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

**Keterangan :**  
TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR JAMUAN HARIAN SARAPAN PAGI SECARA TAPAU BAGI : SEKOLAH MENENGAH TANJONG MAYA KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH TUTONG KOD BLOK : PH/S5 BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

**Bilangan Sebut Harga :**  
MOE / LTK / 45 / 2021 / 2022  
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

**Keterangan :**  
TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR JAMUAN

**HARIAN SARAPAN PAGI SECARA TAPAU BAGI :**  
1. SEKOLAH RENDAH PANCHONG  
2. SEKOLAH RENDAH BENUTAN  
3. SEKOLAH RENDAH KAMPONG BUKIT  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH TUTONG KOD BLOK : PH/S6 BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

**Bilangan Sebut Harga :**  
MOE / LTK / 46 / 2021 / 2022  
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

**Keterangan :**  
TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR JAMUAN HARIAN MAKAN TENGAH HARI SECARA TAPAU BAGI : SEKOLAH MENENGAH AWANG SEMAUN KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BRUNEI MUARA KOD BLOK : PH/T1 BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

**Bilangan Sebut Harga :**  
MOE / LTK / 47 / 2021 / 2022  
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

**Keterangan :**  
TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR JAMUAN HARIAN MAKAN TENGAH HARI SECARA TAPAU BAGI :  
1. SEKOLAH RENDAH BEBULOH  
2. SEKOLAH RENDAH BATANG MITUS  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN KOD BLOK : PH/T4 BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

**Bilangan Sebut Harga :**  
MOE / LTK / 48 / 2021 / 2022  
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

**Keterangan :**  
TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR JAMUAN HARIAN MAKAN TENGAH HARI SECARA TAPAU BAGI :  
1. SEKOLAH RENDAH LAMUNIN  
2. SEKOLAH RENDAH RAMBAI KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH TUTONG KOD BLOK : PH/T5 BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

**Bilangan Sebut Harga :**  
MOE / LTK / 49 / 2021 / 2022  
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

**Keterangan :**  
TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR JAMUAN HARIAN MAKAN TENGAH HARI SECARA TAPAU BAGI : SEKOLAH RENDAH PENGIRAN KESUMA NEGARA BUKIT BERUANG, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH TUTONG KOD BLOK : PH/T6 BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

**Bilangan Sebut Harga :**  
MOE / LTK / 50 / 2021 / 2022  
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

**Keterangan :**  
TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR JAMUAN HARIAN MAKAN TENGAH HARI SECARA TAPAU BAGI : SEKOLAH RENDAH PERPINDAHAN BUKIT BERUANG II KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH TUTONG KOD BLOK : PH/T7 BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

**Bilangan Sebut Harga :**  
MOE / LTK / 51 / 2021 / 2022  
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

**Keterangan :**  
TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KEPERLUAN-

**KEPERLUAN PERMAKANAN (MAKAN TENGAH HARI) BAGI :**  
1. SEKOLAH RENDAH SUNGAI TERABAN  
2. SEKOLAH RENDAH LABI KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BELAIT KOD BLOK : PH/T8 BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

**Bilangan Sebut Harga :**  
MOE / LTK / 52 / 2021 / 2022  
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

**Keterangan :**  
TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENUSU BAGI :  
1. SEKOLAH RENDAH PG ANAK PUTERI BESAR, SUNGAI KEBUN  
2. SEKOLAH RENDAH SUNGAI SIAMAS  
3. SEKOLAH RENDAH BENDAHARA LAMA KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BRUNEI MUARA KOD BLOK : PH/ST1 BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

**Bilangan Sebut Harga :**  
MOE / LTK / 53 / 2021 / 2022  
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

**Keterangan :**  
TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENUSU BAGI :  
1. SEKOLAH RENDAH SABA DARAT B  
2. SEKOLAH RENDAH HAJI TARIF  
3. SEKOLAH RENDAH PEHIN DATO JAMIL KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BRUNEI MUARA KOD BLOK : PH/ST2 BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

**Bilangan Sebut Harga :**  
MOE / LTK / 54 / 2021 / 2022  
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

**Keterangan :**  
TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENUSU BAGI :  
1. SEKOLAH RENDAH PINTU MALIM  
2. SEKOLAH RENDAH SULTAN ABDUL BUBIN, SUNGAI BESAR  
3. SEKOLAH RENDAH BATU MARANG KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BRUNEI MUARA KOD BLOK : PH/ST3 BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

**Bilangan Sebut Harga :**  
MOE / LTK / 55 / 2021 / 2022  
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

**Keterangan :**  
TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENUSU BAGI :  
1. SEKOLAH RENDAH MENTIRI  
2. SEKOLAH RENDAH TANJONG KINDANA KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BRUNEI MUARA KOD BLOK : PH/ST4 BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

**Bilangan Sebut Harga :**  
MOE / LTK / 56 / 2021 / 2022  
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

**Keterangan :**  
TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENUSU BAGI : SEKOLAH RENDAH DATO HAJI MOHD YASSIN, KAMPONG PERPINDAHAN MENTIRI KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BRUNEI MUARA KOD BLOK : PH/ST5 BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

**Bilangan Sebut Harga :**  
MOE / LTK / 57 / 2021 / 2022  
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

**Keterangan :**  
TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENUSU BAGI :  
1. SEKOLAH RENDAH MUHAMMAD ALAM  
2. SEKOLAH RENDAH PG SETIA NEGARA PG HJ MOHD YUSOF, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BELAIT KOD BLOK : PH/ST7 BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

**Bilangan Sebut Harga :**  
MOE / LTK / 58 / 2021 / 2022  
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

**Keterangan :**  
TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENUSU BAGI :  
1. SEKOLAH RENDAH PANAGA KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BELAIT KOD BLOK : PH/ST8 BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

**Bilangan Sebut Harga :**  
MOE / LTK / 59 / 2021 / 2022  
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

**Keterangan :**  
TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN

**KOTAK TENUSU BAGI :**  
1. SEKOLAH RENDAH PUNI  
2. SEKOLAH RENDAH SULTAN HASHIM, BATU APOI  
3. SEKOLAH RENDAH RATAIE KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH TEMBURONG KOD BLOK : PH/ST9 BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

**Bilangan Sebut Harga :**  
MOE / LTK / 60 / 2021 / 2022  
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

**Keterangan :**  
TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENUSU BAGI :  
1. SEKOLAH RENDAH PANCHOR MURAI  
2. SEKOLAH RENDAH PANGLIMA BERUDIN, LIMAU MANIS  
3. SEKOLAH RENDAH PUTAT KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BRUNEI MUARA KOD BLOK : PH/ST10 BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

**Tarikh Tutup dan Waktu Dilanjutkan Sehingga :**  
Selasa,  
26 Oktober 2021,  
tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Keterangan :**  
THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, CONFIGURATION, TESTING, COMMISSIONING AND WARRANTY OF SINGLE BOARD COMPUTER FOR SCHOOLS.

**Tarikh Tutup dan Waktu Dilanjutkan Sehingga :**  
Selasa,  
26 Oktober 2021.  
[Tidak lewat jam 2.00 Petang].


**IKLAN LANJUTAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**
**IKLAN LANJUTAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**Bilangan Sebut Harga :**  
MOE / LTK / 39 / 2021 / 2022  
[PTP - SEPT - 2021]

## PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan TIDAK kurang dari dua (2) minggu sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca juga menggunakan Microsoft Word dengan Font ARIAL saiz 12.



Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh dijangka terbit, kekerapan terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :  
**iklan.pbe@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGKI :  
**+673 8622969**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.  
RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

# OPERASI PULIH GIAT DILAKSANAKAN

## Daerah Brunei dan Muara

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 9 Oktober. - Agensi-agensi penguatkuasaan terus mempertingkatkan pengawasan (*surveillance*) dan aktiviti penguatkuasaan (*enforcement*) agar orang ramai terus bekerjasama dalam mematuhi arahan-arahan sekatan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.

Kolaborasi agensi-agensi penguat kuasa yang diterajui oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dalam menguatkuasakan Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 pada ketika ini masih dan sedang dilaksanakan mengikut peruntukan dan SOP yang ditetapkan.

Sekatan jalan raya dan rondaan yang dijalankan dalam skala penuh

dengan menumpukan, di kawasan-kawasan strategik, di seluruh daerah bagi memastikan masyarakat awam sentiasa akur dan patuh pada arahan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan.

Sehubungan itu, agensi penguatkuasaan PPDB menerusi Balai Polis Muara menjalankan Operasi Pulih, bermula jam 8.00 malam, dengan mengadakan rondaan ke kawasan-kawasan, di bawah tадahan Balai Polis Muara bagi memastikan orang ramai sentiasa mematuhi perintah yang dikeluarkan.

Operasi kali ini dikendalikan oleh enam anggota polis, diketuai oleh Pegawai Menguasa Balai Polis Muara, ASP Hajah Nur Azhani Haji Johaiani.

Sementara itu, setakat hari

**KOLABORASI** agensi-agensi penguat kuasa yang diterajui oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dalam menguatkuasakan Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204.

kelima Operasi Pulih yang dijalankan kelmarin, mencatatkan sebanyak 36 kesalahan tindakan denda kompaun. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 21 kesalahan dilaporkan di Daerah Brunei dan Muara; 14 kesalahan dilaporkan di Daerah Belait; dan satu kesalahan dilaporkan di Daerah Tutong.

PPDB dalam pada itu, ingin menegaskan dan mengingatkan kepada orang ramai, bahawa tindakan undang-undang akan dijalankan dengan sewajarnya bagi sesiapa yang memperlekehkan atau mencemuh sebarang perintah atau arahan kerajaan yang dikeluarkan dalam usaha negara sedang berusaha untuk mengawal penularan wabak COVID-19 ini.



## Daerah Tutong

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



**TUTONG**, Sabtu, 9 Oktober. - Operasi Pulih diteruskan lagi pada hari keenam sejak ia diadakan bermula Isnin lalu.

Dalam hubungan ini, Pasukan

Polis Diraja Brunei (PPDB) mengadakan beberapa siri Operasi Sekatan Jalan Raya dan Rondaan di beberapa buah tempat bagi memastikan orang awam patuh akan arahan yang dikenakan.

akan arahan yang dikenakan.

Sehubungan itu, satu lagi Operasi Sekatan Jalan Raya, yang dikendalikan oleh Balai Polis Lamunin, melibatkan lapan anggota PPDB, diketuai oleh Pegawai Menguasa Balai Polis Lamunin, Inspektor Pengiran Mohd. Waie bin Pengiran Abdullah Sani.

Operasi sekatan tersebut diadakan di pusing keliling berhampiran Balai Polis Lamunin, di sini.

Di samping sekatan jalan raya, Balai Polis berkenaan juga mengerahkan anggotanya membuat rondaan di sekitar kawasan Lamunin.

Operasi Pulih ini adalah bagi menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi langkah-langkah pengawalan dengan pelaksanaan strategi tambahan bagi mengurangkan pergerakan serta risiko penularan jangkitan COVID-19.

Sehubungan itu, di Daerah Belait, agensi penguatkuasaan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) menerusi Balai Polis Sungai Liang, bermula jam 9.30 malam mengadakan Operasi Sekatan Jalan Raya di Lebuh Raya Liang Lumut berdekatan Rancangan Perumahan Negara Lumut bagi memastikan orang ramai sentiasa mematuhi Operasi Pulih yang dikeluarkan.

Kedua-dua operasi sekatan jalan raya yang dibuat menunjukkan Operasi Pulih dipatuhi dan jalan-jalan serta tempat-tempat yang dipantau juga dalam keadaan sunyi sepi.

## Daerah Temburong



OPERASI Pulih yang diadakan pada malam keenam di Daerah Temburong terus dilaksanakan.

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**TEMBURONG**, Sabtu, 9 Oktober. - Operasi Pulih yang diadakan pada malam keenam, di Daerah Temburong terus dilaksanakan bagi memastikan arahan-arahan dalam pengawalan wabak COVID-19 adalah sentiasa dipatuhi dengan sewajarnya.

Operasi Pulih bagi sekatan jalan raya di daerah tersebut dijalankan berdekatan pusing keliling Jalan Labu, diketuai oleh Penolong Pemangku Pegawai Pemerintah Daerah Polis Temburong, Penolong Penguasa Polis, Muhd. Ajib bin Haji Ahmad Awal bersama 16 anggota dari Balai Polis Bangar.

Di samping sekatan jalan raya, Balai Polis berkenaan juga mengerahkan anggotanya membuat rondaan di Pekan Bangar; kawasan Ujung Jalan; Kampung Rataie; Kampung Semabat; Kampung Batang Duri; juga di Mukim Labu.

Orang awam, khususnya di Daerah Temburong disarankan untuk sentiasa mematuhi dan tidak ingkar dengan arahan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan dalam sama-sama memutuskan rangkaian jangkitan wabak pandemik COVID-19.

Masyarakat awam juga disarankan untuk sentiasa bekerjasama dan membantu pihak kerajaan dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing, terutama untuk berada di dalam rumah, mengikut waktu yang ditetapkan, dari jam 8.00 malam hingga 4.00 pagi.



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BELAIT**, Sabtu, 9 Oktober. - Orang ramai diarahkan untuk berada di tempat tinggal masing-masing pada setiap malam dari jam 8.00 malam hingga 4.00 pagi.



SEMASA Operasi Sekatan Jalan Raya dan Rondaan yang dibuat menunjukkan Operasi Pulih dipatuhi.

# SUMBANGAN BANTU KEMENTERIAN KESIHATAN TANGANI COVID-19



PRINTPLUS Sdn. Bhd. dan Cuckoo International (B) Sdn. Bhd. antara yang menghulurkan sumbangan.

## **■ Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 9 Oktober. - Pelbagai sumbangan diterima oleh Kementerian Kesihatan daripada pihak-pihak penderma sebagai Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility) dalam membantu pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya Kementerian Kesihatan dalam sama-sama menangani dan membendung penularan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Kementerian Kesihatan menerima sumbangan cek bagi Tabung COVID-19 Relief Fund 2021, termasuk beberapa sumbangan barang, pada 6 dan 7 Oktober lalu.

Para penderma, terdiri daripada Printplus Sdn. Bhd.; Asli-KTM Sdn. Bhd.; Niche at Venus Enterprise; M.A.L. Star Enterprise; Cuckoo International (B) Sdn. Bhd.; Pertubuhan Ukur Jurutera dan Arkitek Brunei (PUJA); Samima Sdn. Bhd.; Stratarent Services; Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan; DCON Sdn. Bhd.; juga daripada pihak persendirian, iaitu Adam

dan Zayed.

Kementerian Kesihatan juga menerima beberapa sumbangan barang, pada 4 dan 5 Oktober lalu, iaitu daripada Al Abrar; Baraqah Food & Beverage Services; Baker Hughes; Belia Masjid Prihatin 2.0; juga beberapa sumbangan daripada persendirian, iaitu Kapten Ziqah dan Zulfakhri Ahmad.

Dalam pada itu, orang ramai yang ingin membuat sebarang sumbangan, bolehlah berhubung terus bersama MOH Emergency Operation Centre (MOHEOC) menerusi talian +673 7295712, pada waktu bekerja sahaja.

# Contoh akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 9 Oktober. - Lebih 50 belia dan beliananis Masjid Lambak Berakas, mengikuti Program Pembukaan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam secara maya menerusi aplikasi Zoom, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan penceramah undangan pada majlis berkenaan, Awang Haji Ali

Yusri bin Haji Abdul Ghafor.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha, diketuai oleh Awang Alif Hakimi bin Rosli, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fath, ayat 1 - 5, dibacakan oleh Awang Saifullah bin Shamsul.

Acara kemudiannya diteruskan dengan ucapan alu-aluan, disampaikan oleh Biro Belia Masjid

Lambak Berakas, Awang Muhd. Nudin bin Haji Moktar, diikuti dengan Ceramah Ringkas, disampaikan oleh tetamu kehormat, bertajuk 'Rasulullah Di Hati Pemberi Syafaat dan Contoh Teladan Ummah'.

Awang Haji Ali Yusri dalam ceramahnya menjelaskan, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam mempunyai akhlak-

# 3 individu ditahan langgar pelbagai kesalahan



EMPAT karton rokok yang dipercaya untuk dijual kepada dua orang lelaki, warganegara tempatan.

## **■ Siaran Akbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 9 Oktober. - Tiga orang individu ditahan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), di kawasan Ujung Jalan Sungai Kebun, Daerah Brunei dan Muara, pada 9 Oktober 2021, sekitar jam 12.43 tengah malam, dipercaya melanggar tiga kesalahan undang-undang.

Insiden penahanan dijalankan oleh keanggotaan Balai Polis Kampong Ayer, PPDB, hasil daripada Operasi Pulih yang menumpukan pada operasi rondaan dan sekatan jalan raya.

Semasa rondaan tersebut, seorang perempuan (suspek), warganegara tempatan, berumur 52 tahun, ditemukan sedang berdiri di kawasan berhadapan dengan Balai Bomba Sungai Kebun dan membawa bersamanya sebanyak empat karton barang tegahan rokok dipercaya untuk dijual.

Turut sama ditemukan ialah dua orang lelaki, warganegara tempatan, berumur 56 dan 43 tahun, yang juga berada di kawasan berkenaan juga dipercaya pembeli pada barang tegahan berkenaan.

Ketiga-tiga individu tersebut dijalankan siasatan melibatkan pelanggaran undang-undang, di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 kerana melanggar arahan bertahan di kediaman, di bawah Akta Kastam dan Eksais Diraja (JKED) melibatkan penemuan barang tegahan dan di bawah Akta Lalulintas Jalanraya Penggal 68 melibatkan Cukai Jalan Mansuh.

Oleh yang demikian, PPDB memberi peringatan dan amaran, bahawa pihak polis tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan sewajarnya terhadap sebarang individu yang terlibat dalam mana-mana pelanggaran undang-undang di negara ini.

## **■ Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

ANTARA yang hadir semasa Program Pembukaan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

bacaan qasidah, bertajuk 'Assalamu Alaika', dibawakan oleh beliananis Masjid Lambak Berakas.

Acara kemudiannya diakhiri dengan bacaan Doa Terhindar daripada Bala Penyakit dan COVID-19 juga Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam, diketuai oleh Awang Haji Mohd. Bazli Azhar bin Haji Mohd. Yussof.

Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, yang dikelolakan oleh Ahli Jawatankuasa Belia dan Beliananis Masjid Lambak Berakas berkenaan adalah sempena Memperingati Kelahiran Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, yang dilahirkan pada 12 Rabiulawal, di Tahun Gajah.


Antara tujuan sambutan ini diadakan adalah bagi mendekatkan diri belia dan beliananis kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sambil mengharapkan pahala juga syafaat yang diberikan kepada sesiapa yang membesarkan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan membanyakkan selawat, qasidah dan sebagainya.

akhlak yang harus dicontohi, namun daripada banyak akhlak Baginda itu, amatlah memadai bagi belia dan beliananis kita di Negara Brunei Darussalam, untuk sekurang-kurangnya mencontohi ketabahan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Beliau, seterusnya menjelaskan, pada waktu pandemik COVID-19 yang berlaku di negara kita, pada waktu ini, belia dan beliananis seharusnya lebih tabah untuk menghadapi ujian daripada Allah Subhanahu Wata'alai ini.

Majlis kemudiannya diteruskan lagi dengan bacaan qasidah, bertajuk 'Peristiwa Sebelum Kelahiran Nabi', disampaikan oleh belia Masjid Lambak Berakas dan

# 14 PESERTA PROGRAM SIRI DA'WAH DIRAIKAN



**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 9 Oktober. - Seramai 14 peserta diraikan pada Majlis Penutup bagi Program Siri Da'wah yang bertemakan 'Sirah al-Anbiya'

secara maya melalui aplikasi Google Meet.

Program Siri Dawah ini merupakan anjuran Badan Sukarelawan Belia Da'ie, di bawah

naungan Urusetia Program Keugamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

Turut serta selaku tetamu kehormat majlis, Pegawai Ugama Kanan, PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul

PROGRAM Siri Da'wah ini merupakan anjuran Badan Sukarelawan Belia Da'ie, di bawah naungan Urusetia Program Keugamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah.

selama empat bulan, bermula dari 25 Jun 2021 hingga 10 September 2021.

Seterusnya majlis diteruskan dengan penyampaian E-Cert melalui paparan slaid ditujukan kepada Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Universiti Sultan Sharif Ali, Dr. Kamru Salam selaku tenaga pengajar juga kepada 14 peserta Program Siri Da'wah tersebut.

Rahman selaku Ketua Mentor Program Keugamaan Belia, di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diketuai oleh Awang Muhammad Fuad bin Matahir, diikuti dengan ucapan daripada tetamu kehormat majlis.

Dalam ucapannya menyarankan agar setiap peserta dapat menanamkan rasa tanggungjawab sebagai seorang Muslim supaya sentiasa berdamping bersama Al-Quran dan As-Sunnah bagi mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam ini sebagai sebuah Negara Zikir.

Beliau juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada kesemua 14 peserta yang berjaya mengikuti Program Siri Da'wah tersebut

Turut menyerikan suasana para hadirin diminta untuk bergambar ramai melalui tangkapan skrin sebagai kenangan-kenangan majlis. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat bagi menghindari penyakit dan bala bencana juga bacaan Tasbih Kaffarah dan Surah Al-Asr.

Program Siri Da'wah ini dibukakan kepada orang ramai yang berminat untuk mengetahui dan mendalami akan usaha-usaha dakwah di Negara Brunei Darussalam. Objektif program ini adalah sebagai pelantar bagi melahirkan golongan pendakwah muda bercorakkan da'ie yang unggul, iaitu para anbia yang dikisahkan, di dalam Al-Quran dan As-Sunnah.

## Pupuk sifat ihsan, prihatin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 9 Oktober. - Berikutan penularan jangkitan wabak COVID-19 di negara ini, Belia Muallaf Asy-Syahadah mengungkayahkan Program Belia Muallaf Prihatin 3.0 dengan kerjasama Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dan Belia Daie.

Objektif Belia Muallaf Prihatin 3.0 ini adalah untuk membantu kerajaan dengan menghulurkan bantuan kepada pesakit-pesakit dan petugas-petugas hadapan (frontliners) COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, ia juga untuk memupuk sifat ihsan dan prihatin dalam diri ahli jawatankuasa akan kesusaaman masyarakat juga sebagai satu bentuk sahutan seruan agama Islam untuk saling takaful di antara sesama masyarakat.

Antara sumbangan yang diberikan adalah buku-buku bacaan terbitan PDI, bertajuk Istidraaj dan Perjuangan Nabi

PROGRAM Belia Muallaf Prihatin 3.0 hulur bantuan kepada pesakit-pesakit dan petugas-petugas hadapan COVID-19, di Pusat-pusat Pengasingan.

Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, barang keperluan harian juga makanan dan minuman.

Sumbangan ini diserahkan oleh beberapa Ahli Jawatankuasa Belia Muallaf As-Syahadah ke Pusat-pusat Pengasingan pesakit COVID-19, di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAH); dan Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SASHHB).



bermula 25 September 2021

**Hanya mereka yang mempunyai aplikasi BruHealth di telefon bimbit masing-masing atau mereka yang berkongsi aplikasi BruHealth bersama orang lain yang dikenali seperti penjaga, majikan, pengurus atau rakan sahaja yang DIBENARKAN keluar rumah**



### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Menjaga Diri Daripada Melakukan Perkara Sia-sia'. Tarikh Tutup : 13 Oktober 2021
- 'Menghargai Sumbangan Warga Emas'. Tarikh Tutup : 20 Oktober 2021
- 'Bersama Tangani Stigma Kesihatan Mental'. Tarikh Tutup : 27 Oktober 2021

### TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

### SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA


Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi  
**BND75**  
SETIAP MINGGU

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



# **COVID-19 TIDAK JEJASKAN KEMERIAHAN DIKIR MAULUD SELURUH NEGARA**

**DIKIR** Maulud sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1443H / 2021M diadakan secara dalam talian bagi Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, jemaah, Muslimah, Belia Masjid dan Majlis Perundingan Kampung, di beberapa buah masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 9 Oktober. - Laungan Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat, di seluruh negara tetap terus bergema dengan laungan Selawat dan Dikir, yang dibawakan oleh petugas-petugas pegawai masjid walaupun dalam suasana Negara Brunei Darussalam menghadapi situasi penularan jangkitan wabak COVID-19.

Berikutnya dengan itu, bagi menzahirkan rasa cinta kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pada malam ketiga ini, beberapa buah masjid, surau dan

balai ibadat seluruh negara mengambil inisiatif dengan mengadakan Dikir Maulud sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1443H / 2021M secara dalam talian dengan menyediakan pautan bagi Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, jemaah, Muslimah, Belia Masjid dan Majlis Perundingan Kampung yang sering bersama-sama melaungkan Dikir Maulud setiap kali acara tersebut diadakan pada tahun-tahun sebelumnya.


Antara masjid-masjid tersebut, Masjid Omar Ali Saifuddien; Masjid Setia Ali, Pekan Muara; Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong; Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Masjid Kampung Sungai Bunga; Masjid Kampung Belimbang Subok; Masjid Kampung Perpindahan Mata-Mata, Gadong; Balai Ibadat Kampung Mata-Mata, Gadong; Masjid Kampung Penanjong, Daerah Tutong; Masjid RPN Kampung Pandan, Daerah Belait; juga Masjid Kampung Selangan; dan Masjid Kampung Puni, Daerah Temburong.

Sementara itu, Kumpulan Belia Masjid Daerah Temburong dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Temburong juga turut mengadakan majlis seumpamanya.

Majlis Dikir seumpama ini diadakan adalah bagi meraih pahala berlipat ganda juga ganjaran teristimewa dan syafaat bagi orang-orang yang berselawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam juga memohon keberkatan dan rahmat daripada Allah jua, selain memupuk kesedaran dan keinsafan umat Islam dalam mengenang jasa juga pengorbanan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menyebarkan agama Islam.

Di samping itu, ia dihasrat untuk mewujudkan perpaduan dan komitmen petugas-petugas pegawai masjid juga orang ramai dalam melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti keagamaan yang dianjurkan, sekali gus menyemarakkan lagi Sambutan Maulud Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dengan Selawat dan Dikir Maulud.

## **Ahli keluarga berperanan penting dalam penjagaan penghidap Demensia**



CERAMAH yang diadakan secara talian oleh Demensia Brunei membincangkan topik berlainan mengenai Demensia.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Ihsan Demensia Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 9 Oktober. - Demensia adalah sejenis penyakit otak yang progresif dan boleh membawa pada penurunan kualiti hidup dalam menjalankan aktiviti harian juga boleh menyebabkan pesakit memerlukan penjagaan masa panjang, biasanya Demensia dialami oleh golongan berusia 65 tahun ke atas.

Bagi pesakit yang menghidapi penyakit Demensia, 90 peratus daripadanya adalah Demensia, jenis Alzheimer's dan vascular dementia.

Seseorang yang menghidapi Demensia akan memerlukan pertolongan dalam pekerjaan sehari-hari mereka dan tahap juga

jenis bantuan yang diperlukan akan berubah-ubah, mengikut kemajuan penyakit Demensia yang dihadapi.

Orang yang tersayang mungkin terlupa bagaimana untuk mandi, menukar pakaian dan mengambil makanan mereka sendiri.

Pelita Brunei, baru-baru ini, berpeluang menemu bual Setiausaha Demensia Brunei melalui WhatsApp mengenai cara-cara menjaga pesakit yang menghidapi Demensia.

Menurut Dayang Nurul Bazilah binti Haji Ali, kita perlu awasi mereka dalam melakukan perkara sehari-hari dan bantu bila perlu sahaja. Sebagai ahli keluarga, kita hendaklah mendorong mereka untuk mencuba membuat

pekerjaan sehari-hari mereka secara sendiri, sebanyak yang mungkin, untuk menghalang daripada fungsi kebolehan mereka merosot.

"Beri mereka masa untuk membuat aktiviti yang perlu dilakukan. Contohnya, penghidap Demensia mungkin lupa aturan bagaimana untuk memakai baju sendiri dan memerlukan masa untuk mengingati bagaimana untuk membuatnya.

"Fahami kenapa mereka tidak mahu membuat sesuatu perkara. Contohnya, adakah mereka tidak mahu mandi kerana air terlalu sejuk atau adakah mereka sudah lupa bagaimana menggunakan paip yang ada?

"Adakah mereka sukar hendak ke tandas kerana mereka lupa di mana tandas? Sebagai penjaga,

kita perlu banyak bersabar dan cuba untuk memahami isu berkaitan," jelasnya.

Dayang Nurul Bazilah menambah, kita boleh memberikan motivasi untuk mereka melakukan aktiviti sehari-hari mereka, seperti memberi hadiah atau membawa mereka berjalan-jalan keluar rumah.

Salah satu simptom Demensia adalah perubahan tingkah laku yang ketara dan kesukaran untuk mengawal emosi juga penjaga hendaklah sabar dalam menangani tingkah laku ini dan langkah pertama yang perlu diambil adalah untuk mengetahui sebab kenapa tingkah laku ini terjadi?

Individu yang menghidapi Demensia kadangkala mempunyai kesukaran untuk berkomunikasi (kerana kefahaman yang terjejas),

kebanyakan masa, perubahan tingkah laku (seperti marah-marah, mengamuk atau menangis) adalah kerana persekitaran yang tidak selesa dan mereka tidak tahu bagaimana untuk memberitahu ahli keluarga apa yang mereka perlukan.

Antara perubahan tingkah laku yang penjaga rasa amat sukar untuk ditangani adalah perubahan waktu tidur bagi penghidap Demensia, kebanyakan mereka mungkin akan lebih banyak tidur di waktu pagi dan berjaga dan aktif pada waktu malam.

Kebanyakan penjaga mempunyai kesukaran untuk berhati-hati, kerana mereka perlu menjaga ahli keluarga mereka sepanjang malam dan bekerja pada siang hari.

Ahli keluarga memainkan peranan yang penting dalam penjagaan individu yang menghidapi Demensia. Kerjasama dan komitmen berterusan seluruh ahli keluarga adalah amat diperlukan dalam memastikan penjagaan yang selamat dan selesa.

Bulan September adalah Bulan Demensia sedunia dan tema sambutan, pada tahun ini adalah 'Kenali Demensia'.

Demensia Brunei juga berperanan dalam memberi komitmen untuk memberi ceramah dan perbincangan mengenai Demensia, setiap pada minggu, melalui media sosial Instagram dan platform dalam talian, seperti Zoom Meeting.

Ceramah tersebut membincangkan topik berlainan mengenai Demensia, seperti definisi Demensia, komunikasi dengan penghidap Demensia, aktiviti sehari-hari dan aktiviti lain bagi individu yang menghidapi Demensia dan cara menangani Behavioural and Psychological Symptoms of Dementia (BPSD) atau secara ringkasnya, Simptom-simptom Tingkah Laku dan Psikologi Demensia.



## Thailand

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman  
Foto : Jabatan Penerangan

**T**HAILAND menjadi salah satu negara Asia Tenggara yang turut membentuk Perhimpunan Bangsa-bangsa Asia Tenggara (Association of Southeast Asian Nations), pada 8 Ogos 1967. Deklarasi ASEAN terbentuk di Bangkok, yang ditandai dengan penandatanganan ASEAN Declaration atau Bangkok Declaration.

Thailand memiliki keluasan 513.120 kilometer persegi dan menjadi negara terluas ke-51 di dunia. Secara geografi, Thailand memiliki kontur wilayah yang berbeza. Penduduk Thailand berjumlah sekitar 65 juta orang, di mana etnik Thai 75 peratus, keturunan China 14 persen, etnik Melayu 3 peratus dan sisanya dari suku minoriti, seperti Mons, Khmer dan lainnya. Majoriti agama di Thailand adalah Buddha sekitar 94.6 peratus. Menyusul agama Islam sebanyak 4.6 peratus dan selebihnya Nasrani, Hindu, dan Sikh.

### Penglibatan Thailand dalam ASEAN

Thailand mula melibatkan diri dalam ASEAN, pada tahun 1962, iaitu dengan menyokong usaha Asean Economic Community (AEC) sebagai Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) skim takrif keutamaan untuk menggalakkan aliran bebas barang dalam ASEAN.

Selain itu, Thailand juga turut terlibat dalam Kawasan Pelaburan Komprehensif ASEAN (ACIA) akan menggalakkan aliran bebas pelaburan dalam ASEAN selain Rawatan Kebangsaan diberi kepada pelabur ASEAN dengan beberapa pengecualian, iaitu ;

1. Penghapusan halangan pelaburan;
2. Memperkemas proses dan prosedur pelaburan;
3. Meningkatkan ketelusan; dan
4. Menjalankan langkah pemudahan pelaburan.

Selain itu, Thailand juga memberikan kesedaran penuh ACIA dengan menghapuskan senarai pengecualian sementara dalam pembuatan, pertanian, perikanan, perhutanan dan perlombongan dijadualkan, pada tahun 2010 untuk anggota ASEAN yang paling lama dan pada tahun 2015, untuk Kemboja, Laos, Republik Kesatuan Myanmar dan Viet Nam.

Manakala dalam Pasaran ASEAN Penerangan Tunggal (SAM) Thailand dijangka akan meliberalisasikan sepenuhnya perjalanan udara di antara negara-negara anggota. Perjanjian Perdagangan Bebas bersama negara ASEAN lain juga memuktamadkan Perjanjian Perdagangan Bebas bersama China, Korea dan Jepun juga merundingkan FTA bersama India, Australia, New Zealand dan Kesatuan Eropah.

Thailand juga terlibat dalam ASEAN Komuniti Sosiol budaya, Komuniti ASEAN membayangkan Sosiol budaya Asia Tenggara diikat bersama dalam perkongsian sebagai sebuah masyarakat yang kukuh dan penyayang. Tujuan tersebut untuk pembangunan identiti serantau dan pemeliharaan warisan budaya di serantau. Aktiviti kebudayaan termasuk S.E.A Write Award, Persatuan Asian Tenggara Institusi

Pengajian tinggi, Taman Warisan Biasiswa, dan Rangkaian Universiti.

ASEAN telah dan akan terus menjadi tonggak dasar luar Thailand. Thailand sangat mementingkan peningkatan kerjasama dalam kerangka kerja ASEAN untuk membangun kepercayaan dan keyakinan dalam kalangan Negara Anggota ASEAN juga untuk mempromosikan keamanan, kestabilan dan kemakmuran di rantau ini.

Sumbangan Thailand kepada ASEAN telah berterusan dan aktif. Di bawah kepimpinannya pada tahun 2008-2009, Piagam ASEAN mula berkuat kuasa dan mengubah ASEAN menjadi organisasi yang benar-benar berdasarkan peraturan. Oleh itu, Thailand berkomitmen penuh untuk pelaksanaan Piagam ASEAN yang efektif, yang sangat penting bagi proses pembangunan masyarakat ASEAN.

Satu lagi dokumen penting yang diadopsi semasa Kepimpinan Thailand, pada tahun 2009 adalah Peta Jalan untuk Komuniti ASEAN (2009-2015), yang menetapkan satu siri tindakan untuk membimbing usaha membangun masyarakat ASEAN di ketiga-tiga tonggak tersebut, iaitu Komuniti Keselamatan Politik ASEAN, Ekonomi ASEAN Komuniti dan Komuniti Sosiol budaya ASEAN. Thailand percaya bahawa kemajuan dalam ketiga-tiga tonggak itu akan menyokong proses pembangunan komuniti ASEAN yang kuat selepas tahun 2015.

Dalam bidang politik dan keamanan, Thailand berkomitmen untuk bekerjasama bersama Negara-negara Anggota ASEAN

untuk menjaga lingkungan serantau yang aman dan stabil, yang sangat penting untuk pembangunan juga pertumbuhan ekonomi yang berterusan, di rantau ini. Thailand menjadi yang terdepan dalam keupayaan serantau, dalam membangun kepercayaan melalui berbagai mekanisme dan kerangka kerja yang ada, seperti TAC, EAS, ADMM dan ADMM Plus juga ARF dan bekerjasama secara aktif bersama rakan sekutu ASEAN untuk mempromosikan diplomasi pencegahan dan memastikan, bahawa semua mekanisme penyelesaian pertikaian yang ada benar-benar berfungsi.

Thailand juga memainkan peranan penting dalam mempromosikan dan melindungi hak asasi manusia di rantau ini, seperti yang disaksikan oleh penubuhan Suruhanjaya Antara Kerajaan untuk Hak Asasi Manusia ASEAN (AICHR), di bawah kepimpinan pada tahun 2009. Thailand juga secara aktif berpartisipasi dan menyokong penglibatan pihak berkepentingan yang relevan di rantau ini dalam proses penyusunan Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN, yang diadopsi oleh Pemimpin ASEAN pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-21.

Thailand akan terus bekerjasama rakan-rakan ASEAN untuk meningkatkan kerjasama serantau dalam berbagai bidang sosial budaya, seperti pengurusan bencana, pendidikan, jurang pembangunan, lingkungan, kesihatan masyarakat juga membangun identiti ASEAN untuk mencapai masyarakat penyayang dalam ASEAN.





## Terus beri sokongan, penjagaan kesihatan mental bagi semua

**P**ERLU difahami terlebih dahulu, bahawa kesihatan mental adalah salah satu aspek daripada kesihatan dan semua orang mempunyai kesihatan fizikal juga kesihatan mental. Kesihatan mental banyak berhubung kait dengan proses kognitif, seperti daya fikiran juga suasana emosi dan keadaan psikologi seseorang. Dengan itu, untuk memahami dan memelihara kesihatan, sama ada kesihatan fizikal mahu pun mental, adalah perlu difahami, bahawa kesihatan adalah sesuatu yang holistik dan dinamik.

Penularan pandemik wabak COVID-19 memberikan kesan pada kesihatan mental sebahagian masyarakat. Antara yang terkesan, termasuk pekerja kesihatan dan pekerja barisan hadapan; pelajar; mereka yang tinggal sendirian; juga mereka yang mempunyai keadaan kesihatan mental sebelumnya.

Meskipun di beberapa negara, kehidupan kembali seperti sebelumnya, namun bagi yang lain pula, kadar penularan dan penerimaan masuk ke hospital tetap tinggi, di mana mengganggu kehidupan sebahagian keluarga dan masyarakat. Di Negara Brunei Darussalam, kesihatan mental adalah tanggungjawab bersama, lebih-lebih lagi dalam keadaan dunia pada masa ini, yang sedang menghadapi kecemasan kesihatan pandemik COVID-19.

### Hari Kesihsatan Mental Sedunia

Hari Kesihsatan Mental Sedunia diraikan setiap 10 Oktober, di seluruh dunia dan tema pada tahun ini ialah 'Kesihsatan Mental dalam Ddunia yang Tidak Setara' (Mental Health in An Unequal World). Tema tersebut menekankan kepentingan dalam memastikan kesihatan mental yang baik dan akses pada penjagaan dan sokongan untuk semua di dalam masyarakat.

Adapun objektif keseluruhan Hari Kesihsatan Mental Sedunia adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai masalah kesihatan mental, di seluruh dunia juga mengerakkan usaha untuk menyokong kesihatan mental. Hari tersebut memberi peluang kepada semua pihak yang

berkepentingan dalam masalah kesihatan mental untuk berbincang mengenai pekerjaan mereka, dan apa yang perlu dilakukan lagi untuk menjadikan penjagaan kesihatan mental kenyataan bagi semua penduduk, di seluruh dunia.

### Penjagaan kesihatan mental semasa Work From Home (WFH)

Kesihatan fizikal yang baik mempengaruhi kesihatan mental yang baik dan keadaan kesihatan mental yang baik mampu menyumbang pada kesihatan fizikal yang baik. Manakala keadaan sebaliknya, di mana keadaan kesihatan mental seseorang yang terganggu boleh menyumbang kepada terganggunya kesihatan badan atau fizikal jika tidak dikendalikan dengan sebaiknya.

Dalam pendekatan Pelita Brunei mengenai penjagaan mental semasa WFH bersama Pegawai Psikologi (Kesihsatan Awam), Bahagian Psikologi Masyarakat, Kementerian Kesihatan, Dayang Nur Syahirah Chua Binti Mohammad Firdaus Chua, mengongsikan, dalam konteks suasana kehidupan semasa wabak COVID-19, kesihatan mental kita semua sangat dipengaruhi, di mana ramai dalam kalangan masyarakat terpaksa berhadapan dengan banyak perubahan dalam hidup mereka disebabkan impak wabak COVID-19.

Menurut Dayang Nur Syahirah Chua, apabila membincangkan tentang WFH, konsepnya membolehkan ramai daripada kita untuk *teranah di rumah* dan tidak lagi perlu datang ke pejabat bagi urusan kerja. Namun, dalam kemudahan ini, ia juga mendatangkan cabaran baharu bagi ramai individu sewaktu di rumah kerana ruang juga masa di rumah bercampur atau bergabung dengan urusan kerja. Masalah kerja mengganggu rumah (*work interfering home*) dan hal rumah mengganggu kerja (*home interfering work*) mungkin berlaku, pada masa sekaran.

Keadaan kerja nampak seperti tiada batasan kerana garis sempadan di antara tanggungjawab kerja dan rumah tidak ada

lagi hingga ramai berasa stres dan terbeban kerana berasa seakan terpaksa dan harus menjalankan kesemua tanggungjawab pada masa yang sama. Stres sebegini mampu mengundang seseorang itu untuk mengalami kesusahan untuk menumpukan perhatian, berasa gelisah, atau kerap jatuh sakit / sering sakit kepala, sukar untuk tidur atau kurang selera makan atau sering kali mudah marah disebabkan tekanan stres.

### Amalan menjaga kesihatan mental

Oleh itu, demi memelihara produktiviti dan kesihatan, khususnya kesihatan mental, adalah perlu untuk meningkatkan kesedaran tentang adanya pendekatan baharu dalam mengendalikan urusan kerja dalam istilah WFH. Antara tip atau amalan untuk menjaga kesihatan mental semasa WFH ialah dengan meneruskan rutin walaupun hanya di rumah; di samping menjadualkan perkara asas, seperti waktu makan, waktu bersama keluarga, waktu beribadah dan selainnya; juga mengadakan zon kerja dengan menyediakan ruang khas bagi tempat kerja di rumah.

Salah satu teknik yang dipanggil 'Pomodoro' juga efektif bagi menjaga kesihatan mental, iaitu dengan membahagi dan meluangkan masa bekerja selama 25 minit dan lima minit *break* dan sambung lagi 25 minit jika perlu. Ini dapat membantu kita menumpukan fokus dan perhatian sebaiknya.

Selain itu, pasang niat sehari-hari bagi perkara yang ingin dicapai atau dibuat dan fokus pada apa yang kita boleh lakukan juga mengamalkan tabiat refleksi atau jurnal bagi membantu melatih diri untuk memerhatikan perkara yang dapat disyukuri. Ia membantu otak / akal kita untuk meningkatkan emosi positif dan memelihara kesejahteraan psikologi kita.

Kita juga perlu bersikap baik dan beranggapan baik kepada diri sendiri juga orang lain walaupun dalam keadaan mencabar. Ia selari dengan galakan konsep Islam, iaitu *husnuzon*. Sikap berbuat baik dan bersangka baik boleh membantu

memelihara diri dari perasaan negatif yang membebarkan kita. "Mendapatkan tidur sebaiknya untuk memelihara fungsi minda kita dan pelihara kebersihan tidur (*sleep hygiene*) kita, seperti tidur waktu malam, pada jam yang sama dan bangun, pada siang hari pada jam yang sama. Mengelakkan minum berlebihan minuman yang mengandungi kafein, seperti kopi yang boleh mengganggu kualiti tidur kita," jelasnya lagi.

Menyentuh mengenai antara aktiviti yang disarankan setelah selesai WFH, Dayang Nur Syahirah Chua menyarankan beberapa perkara, iaitu penjarakan *virtual*, mengambil masa melakukan *digital detox*, di mana kita tidak meluangkan masa / perhatian di alam digital atau melihat skrin, dan melakukan senaman atau kerapkan pergerakan badan bagi menjaga kesihatan fizikal juga menghilangkan stres tubuh badan setelah duduk beberapa lama di meja kerja. Ini juga membantu menjaga postur tubuh kita.

Dalam keadaan yang mencabar, ia juga tidak salah untuk mengambil pendekatan integrasi 'kehidupan-kerja' (*work-life integration approach*), di mana membolehkan kita memelihara harmoni kerja dan keluarga, pada waktu sama. Dari sudut pandangan Islam, ia selari dengan konsep menunaikan hak kesihatan, di mana kita mempunyai tanggungjawab dalam memberi yang terbaik kepada hak diri sendiri (termasuk aspek rohani dan jasmani), hak kepada keluarga juga hak masyarakat / negara, semuanya, pada masa yang sama.

Salah satu cara yang dikaji dan terbukti efektif bagi menenangkan fikiran adalah mengamalkan teknik relaksasi / tenang diri (*relaxation technique*) bagi mendatangkan ketenangan pada minda dan jiwa kita. Contoh teknik yang mampu mendatangkan rasa tenang adalah teknik bernafas perlahan juga mendalam (*slow deep breathing*). Amalan-amalan membaca zikir atau selawat sambil mempraktikkan pernafasan mendalam dan semoga ia bermanfaat bagi menjaga kesihatan mental.

# OPERASI KAUNTER PERKHIDMATAN, PEMBAYARAN CAWANGAN PEJABAT TANAH DAERAH DIKEMAS KINI

NOTIS PERUBAHAN WAKTU DAN HARI OPERASI BAGI KAUNTER-KAUNTER PERKHIDMATAN DAN PEMBAYARAN DI CAWANGAN PEJABAT-PEJABAT TANAH DAERAH				
BIL.	JENIS PERKHIDMATAN	HARI DAN WAKTU PERKHIDMATAN	LOKASI-LOKASI KAUNTER	KAEDAH PERKHIDMATAN
1.	<b>Permohonan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pinian Milik Tanah</li> <li>• Keterangan Maklumat Tanah (Land Title Soar)</li> <li>• Mengganti Geran</li> <li>• Pendaftran Tuntutan Waris</li> <li>• Kaveal</li> <li>• Mengambil Geran Tanah</li> <li>• Pemecahan dan Penyaluan Tanah [Perjanjian menandatangani]</li> <li>• Tukar Syarat Khas Tanah</li> <li>• Mengambil Borang Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan yang telah siap dikasih</li> </ul>	Iasnin, Rabu dan Khamis 8.30 pagi - 11.00 pagi	Aras Bawah / Tingkat 1: Pejabat Tanah Brunei & Muara Aras Bawah Pejabat Tanah Tutong Tingkat 1. Pejabat Tanah Belait Tingkat 1. Pejabat Tanah Temburong	Temujujil sahaja

Merujuk Notis mukluman Jabatan ini nombor 221/CL/32/42/PT.1 bertarikh 02 Safar 1443H / 09 September 2021M (hari Khamis) mengenai dengan perkara di atas.

Dikakumkan bahawa waktu dan hari operasi bagi kaunter-kaunter perkhidmatan dan pembayaran secara temujujil adalah dikemas kini kepada tiga kali seminggu mulai hari Iasnin, 04 Oktober 2021 seperlu berikut.

BIL.	JENIS PERKHIDMATAN	HARI DAN WAKTU PERKHIDMATAN	LOKASI-LOKASI KAUNTER	KAEDAH PERKHIDMATAN
2.	<b>Permohonan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Gadaian</li> <li>• Memajak Tanah Persendirian</li> <li>• Membaharu Tempoh Pajakan</li> <li>• Menghalalkan Saliran ke Tanah Kerajaan</li> <li>• Jalan Laluari di Atas Tanah Kerajaan</li> <li>• Pemecahan dan Penyaluan Tanah (Permohonan)</li> <li>• Menghadapkan Borang Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan (Housing Loan) bagi tanah yang terletak di Daerah Belait, Tutong dan Temburong sahaja.</li> <li>• Memorandum Daripada Mahkamah Waris bagi Taksiran Tuntutan Waris</li> <li>• Lain-lain permohonan</li> </ul>	Iasnin hingga Khamis dan Sabtu 8.00 pagi - 1.00 petang	Tingkat 1: Pejabat Tanah Brunei & Muara Aras Bawah. Pejabat Tanah Tutong Tingkat 1. Pejabat Tanah Belait Tingkat 1. Pejabat Tanah Temburong	Drop Box sahaja
3.	Kaunter Pembayaran	Iasnin, Rabu dan Khamis 8.30 pagi - 11.00 pagi		Temujujil sahaja

RAJAH 1

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 9 Oktober. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Halalan Tayyiban, baru-baru ini, mengadakan program yang bertajuk 'New Generation Ideas for Halal Products and Services : Local Go Global'.

Program ini merupakan anjuran bersama di antara Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban dan Akademi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi MARA Shah Alam, Malaysia.

Pada masa ini, industri halal semakin berkembang pesat di serata dunia. Walaupun ia merupakan sebuah industri yang baharu, banyak pihak yang berminat untuk mendalaminya industri halal, terutamanya dalam kalangan pihak industri juga pengguna sesuatu produk.

Oleh itu, pusat-pusat pengajian tinggi dan para pendidik dalam bidang ini perlu mewujudkan persaingan yang sihat dalam kalangan pelajar bagi melahirkan pelajar-pelajar yang berinovasi, kreatif juga cemerlang sesuai dengan keperluan dan aspirasi negara.

Justeru, untuk mencapai sasaran tersebut, para pelajar dari bidang industri halal merupakan ejen pembaharuan dalam menghasilkan idea yang kreatif dan inovatif untuk membantu meningkatkan kualiti juga produktiviti sektor pengurusan industri halal, sama ada di peringkat Asia atau peringkat global.

Perkara ini, turut dijelaskan oleh Pengarah di Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, UNISSA, Pengiran Dr. Hajah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim, dalam ucapan beliau selaku tetamu kehormat majlis tersebut.

Turut hadir dalam program tersebut, Timbalan Dekan Hal

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 9 Oktober. - Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan memaklumkan kepada orang ramai, bahawa waktu dan hari operasi bagi Kaunter-kaunter Perkhidmatan dan Pembayaran secara janji temu, di Cawangan Pejabat-pejabat Tanah Daerah adalah dikemas kini, pada tiga kali seminggu, mulai Iasnin, 04 Oktober 2021 (Rujuk Rajah 1 dan 2).

**Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan**

- **WAKTU** dan hari operasi bagi Kaunter-kaunter Perkhidmatan dan Pembayaran secara janji temu adalah dikemas kini pada tiga kali seminggu, mulai Iasnin, 04 Oktober 2021 (Rujuk Rajah 1 dan 2).
- **PASTIKAN** borang juga dokumen permohonan yang dihantar ke Drop Box adalah lengkap dan teratur disimpan di dalam sampul yang tertutup.
- **SENARAI** semak bagi permohonan-permohonan, boleh didapati, di Laman Sesawang Jabatan Tanah, [www.tanah.gov.bn](http://www.tanah.gov.bn), di punut 'Perkhidmatan/Services' (terhad pada beberapa jenis permohonan sahaja).
- **DALAM** situasi pada masa ini, tempoh memproses permohonan akan berbeza daripada lazimnya.


BIL.	JENIS PERKHIDMATAN	HARI DAN WAKTU PERKHIDMATAN	LOKASI-LOKASI KAUNTER	KAEDAH PERKHIDMATAN
4.	Permohonan Memajak Tanah Kerajaan	Iasnin hingga Khamis dan Sabtu 8.00 pagi - 1.00 petang	Tingkat 2 Bahagian Pengurusan & Pelupusan	Drop Box sahaja
	Urusan Pengambilan Balik Tanah	Iasnin, Rabu dan Khamis 8.30 pagi - 11.00 pagi		Temujujil sahaja
5.	Taksiran: <ul style="list-style-type: none"> <li>Menghadapkan Borang Taksiran bagi Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan (Housing Loan)</li> <li>Memorandum Daripada Mahkamah Waris bagi Taksiran Tuntutan Waris</li> </ul>	Iasnin hingga Khamis dan Sabtu 8.00 pagi - 1.00 petang	Tingkat 2 Bahagian Penilaian Jabatan Tanah (bagi tanah terletak di Daerah Brunei Muara sahaja)	Drop box sahaja

PERHATIAN

Sila pastikan borang dan dokumen permohonan yang dihantar ke Drop Box adalah lengkap dan teratur disimpan di dalam sampul yang tertutup. Senarai semak bagi permohonan-permohonan boleh di dapat di laman sesawang Jabatan Tanah ([www.tanah.gov.bn](http://www.tanah.gov.bn)) di punut 'Perkhidmatan/Services' (terhad kepada beberapa jenis permohonan sahaja).

RAJAH 2

## Bidang industri halal mampu lahirkan pelajar berinovasi, kreatif



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali melalui Pusat Penyelidikan Halalan Tayyiban, baru-baru ini, mengadakan program yang bertajuk 'New Generation Ideas for Halal Products and Services : Local Go Global'.

Ehwal Akademik, Akademi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi MARA Shah Alam, Malaysia, Profesor Madya Dr. Amal Hayati binti Ishak.

Sebanyak empat kumpulan pembentang dari kedua-dua universiti mengongsikan idea

mereka berkenaan produk dan servis yang sesuai untuk pembangunan industri halal.

Antaranya adalah mencipta skrub daripada buah-buahan tempatan Brunei, seperti manggis dan rambutan, membangun laman

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

sesawang untuk produk yang sudah diiktiraf halal juga membina aplikasi untuk mengenal pasi fungsi setiap bahan kandungan dalam sesuatu produk.

Pelaksanaan program ini adalah salah satu cara bagi mengeratkan hubungan dan jaringan akademik di antara institusi pengajian tinggi tempatan juga luar negara.

# AS : PAKAR RAMAL KES KORBAN COVID-19 MENURUN PADA MUSIM SEJUK



MOSCOW, 10 Okt. - Pakar penyakit berjangkit terkemuka Amerika Syarikat (AS), Anthony Fauci meramalkan jumlah kematian akibat COVID-19 akan menurun ketika musim sejuk, lapor Agensi Berita Sputnik.

"Saya amat yakin anda akan mula melihat penurunan kadar kematian begitu juga dengan jumlah mereka yang dimasukkan ke hospital; berapa cepat angka itu akan turun atau sejauh mana ia berkurangan banyak bergantung kepada pelbagai keadaan."

"Keadaan seperti cuaca sejuk, orang ramai banyak melakukan aktiviti di dalam rumah serta sejauh mana keberkesanan garis panduan CDC (Pusat Kawalan dan

Pencegahan Penyakit Berjangkit)," kata Fauzi ketika ditemu ramah Greta Van Susteren yang dipetik akbar The Hill.

Fauci yang menjadi ketua penasihat perubatan kepada Presiden AS, menasihati orang ramai supaya terus memakai pelitup muka ketika menyertai sebarang perhimpunan di luar, sama ada mereka sudah lengkap divaksin atau tidak, kerana ada komuniti mempunyai COVID-19 yang tersebar luas.

"Mujur ketika ini, sejak beberapa minggu terakhir, kita menyaksikan leluh yang mula menampakkan penurunan untuk kedua-dua kes - kematian dan pesakit yang dimasukkan ke hospital. Angka kematian masih meningkat tetapi mula mendatar, jadi

ia satu petunjuk ia semakin perlahan," katanya dalam temu ramah yang disiarkan pada Ahad.

Pada September, pakar kawalan penyakit berjangkit memberi amaran, varian Delta terus menjadi kebimbangan utama di AS yang menyaksikan lonjakan kes baharu sehingga 98 peratus, daripada 13 peratus pada Jun.

AS mencatatkan kadar kes dan kematian akibat COVID-19 tertinggi di dunia. Menurut data terbaru dari Universiti Johns Hopkins, AS mencatatkan lebih 44.3 juta kes sejak permulaan wabak dan jumlah kematian melebihi 712,000.

Pada awal bulan ini, ketika angka korban COVID-19 mele过si 700,000, Presiden Joe Biden

berkata berdasarkan fakta kematian penyakit itu terus meningkat memberi makna bahawa lebih ramai rakyat negara itu perlu mendapatkan vaksin. - ©BERNAMA

## Kaunselor Austria Sebastian Kurz letak jawatan

VIENNA, 10 Okt. - Kaunselor Austria Sebastian Kurz mengumumkan peletakan jawatannya pada Sabtu malam dan mencadangkan Menteri Luar Alexander Schallenberg sebagai pengantinya.

"Saya ingin mengelakkan kekacauan. Bagi saya negara adalah lebih penting," katanya dalam satu kenyataan lapor Agensi Berita Xinhua.

Beliau berkata akan kembali ke parlimen dan menumpukan

tugasnya sebagai ketua People Party dan menggunakan kesempatan ini untuk membersihkan namanya atas tuduhan "palsu" yang dikenakan ke atasnya.

Sementara itu, Kurz mencadangkan Menteri Luar Alexander Schallenberg sebagai pengantinya memandangkan Schallenberg mempunyai kemahiran diplomatik yang diperlukan untuk membina kembali kepercayaan kedua-dua pihak.

Kurz, 35, berdepan desakan agar beliau berundur termasuk daripada sekutunya selepas beliau dan sembilan yang lain terpalit dengan dakaan rasuah. Beliau didakwa menggunakan wang kerajaan untuk memastikan media memberikan liputan yang positif mengenainya.

Pembangkang telah menggesa Kurz berundur dan merancang untuk mengusulkan undi tidak percaya terhadapnya di parlimen Selasa depan. - ©BERNAMA

## China, ASEAN bersama bina komuniti berkongsi nasib

BEIJING, 9 Okt. - China dan ASEAN diharap dapat menghargai pelbagai pengalaman yang dilalui selama 30 tahun untuk menyumbang ke arah membina komuniti berkongsi nasib yang lebih erat.

Anggota Dewan Negara China merangkap Menteri Luar, Wang Yi berkata demikian pada jamuan sempena ulang tahun ke-30 hubungan dialog China-ASEAN di sini, Jumaat.

"Sejak hubungan terjalin pada

1991, China dan ASEAN telah menempuh perjalanan yang menjanjikan perpaduan dan kerjasama sama menang.

"Ia sekali gus memberi sumbangan besar kepada kedamaian, kestabilan serta kemakmuran serantau dan dunia," katanya.

Beliau turut mengetengahkan beberapa saranan untuk memperkuuh lagi kerjasama kedua-dua pihak untuk tempoh

jangka panjang, antaranya termasuk ikatan China-ASEAN terus diperkasa, kolaborasi pragmatik dipergiatkan lagi dan berkongsi hasil kerjasama dengan rakyat.

Selain itu beliau turut menyarankan supaya aktiviti interaksi sosiobudaya terus diperluas, meneruskan usaha memelihara keamanan Laut China Selatan dan menyumbang kepada tadbir urus global. - ©BERNAMA

## Enam maut pesawat Tentera Udara Bolivia terhempas

LA PAZ, 10 Okt. - Enam terbunuh termasuk empat pegawai kementerian kesihatan selepas sebuah pesawat Tentera Udara Bolivia terhempas di kawasan Amazon Agua Dulce di Pando pada Sabtu.

Wakil komander Polis

Bolivia, Kolonel Luis Cuevas berkata pesawat itu terhempas tujuh minit sejurus berlepas dari perbandaran Riberalta, lapor Agensi Berita Xinhua. "Semua penumpang dan anak kapal maut dalam kejadian itu," katanya kepada wartawan.

Beliau berkata siasatan sedang dijalankan untuk mengenal pasti punca sebenar kejadian. Pesawat itu membawa empat pegawai yang ditugaskan untuk Program Denggi-Chikungunya. - ©BERNAMA

## Pilihan raya umum Iraq bermula

BAGHDAD, 10 Okt. - Pusat pengundian bagi pilihan raya umum Iraq mulai dibuka pada Ahad dengan langkah keselamatan yang ketat, lapor Agensi Anadolu.

Pengundi perlu menjalani pemeriksaan dan tidak dibenarkan membawa telefon bimbit masuk ke dalam pusat mengundi.

Perdana Menteri Mustafa al-Kadhimi dilaporkan mengundi di pusat mengundi di Zon Hijau.

"Saya mahu menjadi pengundi pertama yang mengundi," katanya sambil menyeru pengundi berdaftar turut menunaikan tanggungjawab masing-masing.

Pusat pengundian akan ditutup 6 petang dan Suruhanjaya Pilihan Raya Iraq dijangka mengumumkan keputusan dalam tempoh 24 jam.

Pilihan raya kali ini menyaksikan 3,249 calon bertanding untuk merebut di 329 kerusi parliment dan membabitkan 877 pemerhati asing.

Menurut Suruhanjaya pilihan raya daripada 40 juta penduduk Iraq seramai 24 juta layak mengundi.

Pilihan raya itu adalah yang ke-5 diadakan di Iraq sejak bekas Presiden Saddam Hussein digulingkan pada 2003. - ©BERNAMA

## Lima terbunuh bangunan kediaman runtuh di Georgia

BATUMI (Georgia), 9 Okt. - Sekurang-kurangnya lima mayat ditemukan di bawah runtuhan bangunan kediaman di Georgia pada Sabtu, lapor Agensi Anadolu.

"Anggota bomba turut menyelamatkan dua warga tempatan dan dihantar ke hospital," menurut kenyataan Kementerian Dalam Negeri.

Siasatan mengenai kejadian itu sedang dijalankan.

"Kami juga dimaklumkan dua atau tiga kanak-kanak dipercayai terperangkap di bawah runtuhan tetapi perkara itu belum dapat disahkan," menurut kementerian.

Bangunan kediaman tujuh tingkat yang terletak di bandar Batumi, Laut Hitam itu runtuh pada Jumaat.

Misi mencari dan menyelamat masih dijalankan, kata Menteri Dalam Negeri Georgia, Vakhtang Gomelauri.

Zaur Budatov berkata pemilik rumah di tingkat satu bersama dua pekerja ditahan kerana melakukan pengubahaui secara haram. - ©BERNAMA

## AS, Taliban bakal adakan perbincangan di Doha

WASHINGTON, 9 Okt. - Delegasi Amerika Syarikat (AS) dijangka berlepas ke Doha, Qatar, pada hujung minggu untuk mengadakan pertemuan dengan pegawai kanan Taliban, lapor Agensi Berita Xinhua memetik Jabatan Negara pada Jumaat.

"Pertemuan itu adalah kesinambungan daripada hubungan pragmatik dengan Taliban membabitkan isu-isu yang menjadi kepentingan negara AS. Ia bukan mengenai pemberian pengiktirafan atau legitimasi," kata jurucakap Jabatan Negara kepada wartawan.

Jurucakap itu berkata antara agenda utama pertemuan adalah mencari jalan untuk keluar secara selamat dari Afghanistan untuk AS dan warga asing lain serta rakyat Afghanistan yang mahu meninggalkan negara berkenaan.


Pertemuan itu juga akan membincangkan mengenai komitmen Taliban untuk tidak membenarkan penganas menjadikan negara Afghanistan bagi mengancam keselamatan AS atau sekutunya.

Agenda lain termasuk mengenai hak wanita dan remaja, membentuk kerajaan yang inklusif, dan membenarkan agensi kemanusiaan masuk ke kawasan yang memerlukan bantuan. Menurut laporan media, delegasi AS terdiri pegawai dari Agensi Perisikan, Jabatan Negara dan Agensi Pembangunan Antarabangsa AS.

Pertemuan itu bakal menjadi mesyuarat yang pertama antara AS dan Taliban sejak pengunduran AS dari Afghanistan sejak Ogos lepas. - ©BERNAMA

# SISTEM PENGUNDIAN PMKK SECARA ELEKTRONIK

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 9 Oktober. - Sistem dan aplikasi mudah alih E-Undi PMKK yang dilancarkan baru-baru ini, membolehkan penduduk-penduduk kampung mengundi dan memilih calon-calon penghulu mukim juga ketua kampung, masing-masing



dengan menggunakan sistem pengundian secara elektronik atau *online*, sebagai alternatif tambahan pada kaedah konvensional (manual).

Pembangunan sistem pengundian ini mengambil kira proses pengundian, prosedur pembuangan juga pengiraan undi semasa Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim juga Ketua Kampung (PMKK), yang pada ketika ini, dilaksanakan secara manual.

Sistem ini mempunyai tiga tatacara pengundian, iaitu dengan menggunakan aplikasi mudah alih E-Undi atau *online voting*; tablet atau *offline voting* dan kertas undi (*ballot*

**SISTEM** dan aplikasi mudah alih E-Undi PMKK membolehkan para penduduk kampung mengundi dan memilih calon-calon penghulu mukim juga ketua kampung masing-masing.

## ■ Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

papers).

Hasil pengundian ini akan disimpan di dalam sistem berkomputer bagi proses penganalisaan dan mengeluarkan keputusan dengan lebih cepat dan efisien.

Penduduk-penduduk kampung yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam, berumur tidak kurang 18 tahun dialu-alukan untuk mendaftar dan mengundi calon-calon penghulu mukim dan ketua kampung melalui kaedah-kaedah yang dinyatakan.

Pendaftaran ini dibuka sepanjang masa dan senarai pengundi yang berdaftar akan disemak setiap tiga bulan bagi memastikan kelayakan sebagai pengundi.

Sementara itu, pengundi berdaftar yang berpindah rumah perlu mengemas kini juga mendaftar alamat rumah baharu di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

Pengundi berkenaan boleh mendaftar semula sebagai pengundi di kampung baharunya. Pendaftaran bagi sistem E-Undi menggunakan aplikasi mudah alih dan tablet akan ditutup 24 jam sebelum tarikh

pengundian juga pemilihan calon-calon penghulu mukim dan ketua kampung bermula.

Manakala pendaftaran menggunakan kertas undi akan dibuka hingga pengundian ditutup, iaitu pada hari terakhir mengundi sepertimana yang berjalan sebelum ini. Tarikh-tarikh pengundian calon-calon penghulu mukim dan ketua kampung akan dimaklumkan kemudian.

Maklumat berkenaan boleh diperoleh melalui pemakluman dalam aplikasi mudah alih berkenaan dan Surat Pemberitahuan yang akan dikeluarkan oleh Jabatan-jabatan Daerah.

Dengan sistem ini, diharap akan lebih ramai penduduk kampung mengambil bahagian untuk mengundi bagi menentukan pemimpin di peringkat akar umbi di mukim dan kampung masing-masing.

Para penduduk kampung yang ingin mendaftar sebagai pengundi boleh memuat turun aplikasi mudah alih E-Undi PMKK melalui App Store atau Google Play. Aplikasi tersebut boleh diakses menggunakan akaun e-Darussalam.



ePaper Pelita Brunei

## Keunikan sungkup muka songket Reyn HM

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Ihsan Reyn HM

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 9 Oktober. - Reyn HM atau nama sebenarnya, Awang Haszrin bin Haji Matani, seorang pereka busana pengantin terkenal di Negara Brunei Darussalam mempelbagaikan penggunaan songket dari baju pengantin ke sungkup muka.

Sungkup muka songket mendapat sambutan yang cukup menggalakkan daripada orang awam kerana ia kelihatan sangat eksklusif dan elegan kepada pengguna.

"Sejak gelombang kedua COVID-19 melanda negara, pembuatan pakaian pengantin setentunya menurun dan dari sini, timbul idea saya untuk membuat sungkup muka, berdasarkan songket daripada lebihan kain songket selepas membuat *custom made* pakaian pengantin.

"Kami mula membuat satu sungkup muka dan kemudian kami memuat naik gambar ke dalam Instagram. Kami mula menerima banyak tempahan daripada orang ramai terutama sekali songket *black series*. Orang ramai juga mula menempah warna dan corak lain daripada apa yang kami tawarkan," ujar Reyn, baru-baru ini.

Menurut Reyn, mereka mempunyai pelbagai corak songket, ada yang satu warna, dua warna, songket tenunan Brunei, songket Malaysia dan pelbagai

lagi.

Reyn turut mengongsikan, sejak mula memperkenalkan sungkup muka songket, pada 13 September lalu, hampir 600 sungkup muka laris dijual dengan harga BND15 setiap satu.

Selain menggunakan kain songket, dia juga membuat pelitup muka dengan fabrik dan material lain, seperti satin. Sungkup muka songket ini, terang Reyn, bukan hanya sekadar fesyen, tetapi di dalamnya terdapat poket yang membolehkan pengguna untuk menyimpan filter.

Namun, sememangnya adalah dianjurkan untuk *double masking*, iaitu memakai sungkup muka pakai buang di dalamnya, kemudian memakai sungkup muka jenis fabrik agar ia lebih efektif.

Reyn dalam pada itu turut memberikan saranan agar seseorang itu harus kuat, berani dan semangat dalam menjalankan perniagaan, terutama pada musim pandemik yang mencabar ini.

Orang ramai yang berminat untuk mendapatkan sungkup muka songket Reyn HM, bolehlah mengikuti akaun Instagram beliau di @reyn\_hm.

ORANG ramai yang berminat untuk mendapatkan sungkup muka songket Reyn HM dijual dengan harga BND15 setiap satu, bolehlah mengikutikaun Instagram di @reyn\_hm.



**Terus aktif di rumah semasa wabak COVID-19**

- Periksa postur duduk awda setiap hari semasa bekerja di rumah
- Berdiri dari tempat duduk sambil bekerja atau semasa bertelefon atau menonton televisyen

Sumber: WHO #JadiAktif #KesihatanDiRumah

## Petua untuk terus aktif di rumah selama Wabak COVID-19

Berjalan naik & turun tangga	Lakukan beberapa senaman regangan
Cari lebih banyak idea dan sumber dalam talian	Menari mengikut muzik untuk beberapa minit

www.moh.gov.bn

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

ARAHAN DIPATUHI, USAHA DILAKSANA, TAWAKAL DISERTA, DOA DIRAFAKKAN KEPADA-NYA